

قَتِيْن تِيْتِه

PETIKAN TITAH

"JADI memang wajar untuk kita mempunyai pelan strategi dan dasar pertanian negara yang antara lain menjadikan jaminan sekuriti makanan negara (national food security) sebagai salah satu strategi utamanya." - Titah Sempena Hari Keputeraan Baginda Ke-62 Tahun pada 13 Rejab 1429 Hijrah / 15 Julai 2008 Masihi.



Pelita BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

مَانِيْسْنِ اِيْمَان

MANISNYA IMAN

"DAN hendaklah ada antara kamu segolongan umat yang menyeru kepada kebajikan (kebaikan) dan menyuruh (berbuat) yang ma'ruf serta melarang daripada yang mungkar. Dan mereka itulah orang yang mendapat kemenangan." - (Surah A-li Imran : 104)

Waktu Sembahyang

IMSAK 5.03

SUBUH 5.13

SYURUK 6.35

DUHA 6.59

ZUHUR 12.32

ASAR 3.54

MAGHRIB 6.28

ISYAK 7.41

Daerah Belait ditambah 3 Minit dan Daerah Tutong ditambah 1 Minit

TAHUN 64 / BILANGAN 9

21 JANUARI 2019 / 1440 جمادى الأولى 15

JABATAN PENERANGAN

EDISI ISNIN / PERCUMA

# Negara tuan rumah ATF 2020



HA LONG CITY, REPUBLIK SOSIALIS VIET NAM, Ahad, 20 Januari. - Mesyuarat Menteri Pelancongan ASEAN Ke-22; Mesyuarat Menteri Pelancongan Campur Tiga Ke-18 dan Mesyuarat Menteri Pelancongan ASEAN-India Ke-7 berlangsung pada 17-18 Januari 2019, sempena Forum Pelancongan ASEAN 2019 (ATF 2019).

Mesyuarat-mesyuarat tersebut dihadiri oleh Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Haji Apong.

Negara Brunei Darussalam (NBD) memaklumkan kepada mesyuarat bahawa Forum Pelancongan ASEAN (ATF 2020) akan diadakan dari 12 hingga 16 Januari 2020, dengan tema 'Bersama Ke Arah Generasi Pelancongan Seterusnya'.

Pada Forum Pelancongan ASEAN Ke-39, masa depan perjalanan ASEAN akan menjadi tumpuan perbincangan dan peluang industri di kedua-dua mesyuarat rasmi dan TRAVEX.

MENTERI Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Haji Apong menerima logo ASEAN Tourism selaku Pengerusi seterusnya daripada Menteri Kebudayaan, Sukan dan Pelancongan Viet Nam, Tuan Yang Terutama Nguyen Ngoc Thien di Forum Pelancongan ASEAN 2019 (ATF 2019) yang berlangsung di Halong Bay Golf Clubhouse, Republik Sosialis Viet Nam.

Siaran Akhbar dan Foto :  
Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan

Buku kecil program telah diedarkan dalam mesyuarat tersebut untuk rujukan.

Mesyuarat rasmi NTOs, Mesyuarat Menteri-Menteri Pelancongan dan Mesyuarat Persatuan akan berlangsung dari 12 hingga 16 Januari 2020 manakala TRAVEX akan diadakan selama tiga hari dari 14-16 Januari 2020, diikuti oleh Lawatan ATF dari 17-18 Januari 2020. ATF 2020 dijangkakan menerima 1,600 perwakilan yang terdiri daripada menteri dan pegawai, peserta, pembeli dan media.

Tempat mesyuarat rasmi akan diadakan di The Empire Hotel & Country Club dan TRAVEX akan diadakan di Pusat Pameran dan Konvensyen Pertahanan Antarabangsa Brunei (BRIDEX) di Jerudong.

Semasa Majlis Penutup ATF 2020, satu Majlis Penyerahan selaku Pengerusi ASEAN Tourism dari Menteri Kebudayaan, Sukan dan Pelancongan Viet Nam, Tuan Yang Terutama Nguyen Ngoc Thien kepada Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, NBD, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali telah diadakan pada 18 Januari 2019 di Ha Long Bay Golf Clubhouse.

Dalam ucapannya sebagai negara tuan rumah untuk ATF 2020, Menteri Sumber-Sumber

Utama dan Pelancongan, NBD pertama mengucapkan tahniah kepada TYT Nguyen Ngoc Thien kerana berjaya menganjurkan Forum Pelancongan ASEAN 2019 di Ha Long City.

Yang Berhormat meneruskan dengan menekankan bahawa dalam tempoh hampir empat puluh tahun, 10 negara anggota ASEAN telah membuat kemajuan besar dalam usaha mereka untuk mempromosikan rantau ini sebagai satu destinasi pelancongan kolektif dengan budaya yang kaya pelbagai daya tarikan dan pengalaman pelancongan. Tumpuan kepada perkembangan pelancongan di seluruh destinasi ASEAN telah memberi kesedaran kepada rantau ini yang meningkat untuk menarik minat berterusan daripada pelancong antarabangsa.

Yang Berhormat kemudiannya menekankan bahawa pada masa yang ketika urbanisasi global yang fenomenal dan kemajuan teknologi memacu generasi baharu pelancong, ASEAN berada di persimpangan jalan utama yang akan datang. ASEAN mengakui keperluan untuk bersaing dengan dinamik dan permintaan untuk mengubah corak perjalanan, demografi, tingkah laku dan pilihan.

Ke muka 3

## Raih keberkatan rezeki dengan bersyukur

Berita dan Foto : Mohamad Azmi Awang Damit

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 20 Januari. - Rezeki merupakan nikmat yang diberikan oleh Allah Subhanahu Wata'ala dan ianya datang dalam pelbagai jenis atau cara.

"Rezeki bukan sahaja bersifat material, malahan individu itu sendiri tidak seharusnya memandang rezeki itu terhadap kepada sesuatu yang nampak sahaja kerana apa sahaja yang dikurniakan Allah Subhanahu Wata'ala itu adalah rezeki," jelas

Da'ie Bertauliah Majlis Ugama Islam Brunei, Awang Muhammad Fatin Abdul Rahman bin Kifli semasa menyampaikan sesi tazkirah Program Masjidku Makmur Negara Berkat bertajuk 'Rezeki: To Which Way?' di Masjid Omar 'Ali Saifuddin.

Menurutnya lagi, Islam tidak pernah melarang umatnya untuk mencari rezeki yang banyak tetapi hendaklah ia patuh pada syariat yang ditentukan Allah Subhanahu Wata'ala.

"Oleh itu umat Islam adalah sangat dituntut untuk mencari rezeki dengan cara yang halal bersandarkan Al-Quran dan Hadis dan bukannya dengan cara yang cepat atau mudah untuk dapatkan rezeki melalui cara yang dilarang oleh Allah Subhanahu Wata'ala," tambahnya.

Justeru itu, beliau menyarankan kepada para jemaah yang hadir untuk sentiasa berusaha mencari rezeki dengan selalu memanjatkan rasa syukur kepada Allah Subhanahu Wata'ala agar sentiasa mendapat rezeki yang penuh keberkatan.

Ke muka 4

IKUTI KAMI DI



APLIKASI MUDAH ALIH  
InfoDeptBN



Muka 6

SYAFIQAH Rosli  
juara  
Best 914



Muka 7

POSTER Pengisytiharan BSB  
Ibu Negara Ketamadunan  
Islam diagihkan

# AP ABDB simbol kemajuan, perkembangan ABDB

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.  
 Bismillaahir Rahmaanir Raheem  
 Alhamdulillah Rabbil 'Alameen,  
 Wabihiee Nasta'eenu 'Alaa  
 Umuuriddunya Wadden,  
 Wassalaatu' Wassalaamu 'Ala  
 Asyaraful Mursaleen,  
 Sayyidina Muhammaddin, Wa'alaa  
 Aalihee Wasahbihee Ajma'een,  
 Waba'du.

**Syukur** Alhamdulillah, dengan rahmat Allah Subhanahu Wata'ala jua, dapatlah kita menghadiri Upacara Sovereign's Parade Pengambilan Ke-17, Sekolah Pegawai Kadet, Akademi Pertahanan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) pada pagi ini.

Terlebih dahulu beta ingin mengucapkan setinggi tahniah dan syabas kepada Pegawai-Pegawai Kadet di atas persembahan perbarisan mereka sebentar tadi.

Beta merasa amat gembira di atas kejayaan 57 Pegawai Kadet dari Pengambilan Ke-17, selepas mereka mengharungi latihan selama 52 minggu.

Beta difahamkan Pegawai Kadet Pengambilan Ke-17 ini adalah termasuk seorang pemegang Basiswa Pemerintah Tertinggi Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, seorang pemegang Basiswa ABDB dan alhamdulillah, buat julung-julung kalinya termasuk juga seorang pemegang Sijil Hafazan 30 Juzuk keluaran Universiti Islam Sultan Sharif Ali.

Selain itu, beta juga mengambil maklum bahawa dua orang Pegawai Kadet dari Pengambilan Ke-17 telah menamatkan latihan Basic Military selama tiga bulan, yang pada ketika ini telah menjawat jawatan sebagai Pegawai Pergigian di Pusat Pergigian, Khidmat Bantuan Kombatan Tentera Darat Diraja Brunei dan Pegawai Perundangan Tentera di Unit Perundangan Tentera ABDB. Syabas dan tahniah kepada semua pihak yang berkenaan itu, termasuk juga kepada para ibu-bapa serta ahli keluarga Pegawai-Pegawai Kadet yang sentiasa mendorong dan menyokong dengan doa untuk kejayaan anak-anak mereka.

Tidak diragukan lagi, sejak 10 tahun penubuhannya, Sekolah Pegawai Kadet, telah membuktikan keupayaannya meningkatkan kapasiti sumber tenaga manusia di ABDB, selaras dengan salah satu aspirasi Wawasan Brunei Darussalam 2035.

Beta berbangga, kerana Sekolah Pegawai Kadet mampu untuk melahirkan pemimpin tentera yang berkualiti melalui pendedahan modul serta kemahiran asas yang sentiasa relevan mengikut peredaran masa.

Pencapaian juga terus dipertingkatkan melalui kursus mandatori dan profesional



TITAH Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Menteri Pertahanan dan Pemerintah Tertinggi Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, sempena Upacara Sovereign's Parade Pengambilan Ke-17 Sekolah Pegawai Kadet Akademi Pertahanan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei pada Khamis, 17 Januari 2019 bersamaan 11 Jamadilawal 1440.

yang teratur.

Dalam meniti arus perkembangan teknologi, peralatan canggih sahaja tidaklah mencukupi untuk mempertahankan keselamatan negara, malahan juga, negara memerlukan daya intelektual yang tinggi serta pemikiran bernas dan luas bagi menghadapi persekitaran geo-strategik yang dinamik dan kompleks. Semua ini mencabar institusi pertahanan khasnya dan negara amnya untuk melahirkan dan membentuk barisan kepimpinan yang berwibawa.

Akademi Pertahanan ABDB pula turut memainkan peranannya dalam menyumbang ke arah Diplomasi Pertahanan yang benar-benar mantap. Ini dapat dilihat dengan kehadiran peserta-peserta kursus antarabangsa yang mengikut Kursus Maktab Turus dan Kursus Pegawai Staf Rendah serta latihan dua hala Sekolah Pegawai Kadet Bersama Officer Cadet School, SAFTI Military Institute dan Officer Cadet School, New Zealand Defence Force yang berjaya dimanfaatkan sepenuhnya.

Beta juga gembira, Diplomasi Pertahanan ini turut diperluaskan lagi

dengan lawatan daripada Royal Thai Military Academy serta jalinan program interaksi latihan dan pelajaran tentera, bersama Taruna dan Taruni dari Akademi Militer Angkatan Darat, Tentera Nasional Indonesia. Adalah diharapkan, hubungan antara angkatan-angkatan sahabat di rantau ini, akan menjadi lebih erat lagi dengan adanya interaksi dari peringkat atasan membawa ke peringkat bawahan. Program-program dua hala sedemikian ini mampu, untuk meningkatkan lagi pawaian Sekolah Pegawai Kadet dalam membuat proses penilaian, terutama sekali bagi mengimplementasi *Best Practices*.

Perkongsian pendidikan, pengetahuan dan pengalaman memang penting, kerana ia adalah merupakan satu pelaburan dalam membina modal insan yang mapan dan efektif. Perkongsian modul yang diperkenalkan oleh pihak angkatan sahabat turut dihargai sebagai nilai tambah kepada doktrin-doktrin atau Tactics, Techniques and Procedures (TTPs) yang sedia ada.

Ke muka 4

Dari Sidang Pengarang.

21 JANUARI 2019 BERSAMAAN 1440 جمادى الأول 15

## TANAI AMANAH BESAR SELAKU PEMIMPIN DALAM INSTITUSI PERTAHANAN, KESELAMATAN NEGARA

Alhamdulillah Sekolah Pegawai Kadet pada 17 Januari 2019 sekali lagi membuktikan keupayaannya meningkatkan kapasiti tenaga manusia di Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) dengan berlangsungnya upacara Sovereign's Parade bagi 57 Pegawai Kadet Pengambilan Ke-17 yang berlangsung di Padang Kawad Akademi Pertahanan (AP) ABDB, Kampung Tanah Jambu.

Pada upacara tersebut, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah, tidak diragukan lagi sejak 10 tahun penubuhannya, Sekolah Pegawai Kadet telah membuktikan keupayaannya meningkatkan kapasiti sumber tenaga manusia di ABDB selaras dengan salah satu aspirasi Wawasan Brunei Darussalam 2035.

Titah baginda, Sekolah Pegawai Kadet mampu untuk melahirkan pemimpin tentera yang berkualiti melalui pendedahan modul serta kemahiran asas yang sentiasa relevan mengikut peredaran masa. Pencapaian juga terus dipertingkatkan melalui kursus mandatori dan profesional yang teratur.

Lanya sejajar dengan moto Sekolah Pegawai Kadet ABDB iaitu Setia, Takwa dan Berani dan mencapai aspirasi Kementerian Pertahanan untuk melahirkan barisan pertahanan yang *robust, responsive* dan efisien.

AP ABDB dirasmikan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia pada 28 April 2016 dengan matlamat utamanya sebagai *centre of excellence*, dikenali dan melahirkan pemimpin-pemimpin tentera yang berwibawa dan berkualiti tinggi serta mampu untuk menaungi tanggungjawab yang besar dan siap sedia mendepani pelbagai cabaran pada masa akan datang menepati misi dan tujuan AP.

Tegas baginda, dalam meniti arus perkembangan teknologi, peralatan canggih sahaja tidaklah mencukupi untuk mempertahankan keselamatan negara, malahan juga negara memerlukan daya intelektual yang tinggi serta pemikiran bernas dan luas bagi menghadapi persekitaran geo-strategik yang dinamik dan kompleks. Semua ini, mencabar institusi pertahanan, khasnya dan negara amnya untuk melahirkan dan membentuk barisan kepimpinan yang berwibawa.

Kursus Pegawai Kadet Pengambilan Ke-17 selama 52 minggu telah bermula pada 26 Januari 2018 yang melibatkan pelbagai latihan dan aktiviti untuk meningkatkan kualiti kepimpinan, perwatakan dan intelek. Tidak dinafikan, AP ABDB adalah satu dari simbol kemajuan dan perkembangan ABDB. Dalam usianya menjangkau 10 tahun, AP ABDB akan dapat terus mengorak langkah ke arah sebuah institusi pendidikan tentera yang lebih berprestij dan diiktiraf sebagai sebuah pusat kecemerlangan serantau dan antarabangsa.

Setinggi-tinggi ucapan tahniah dan syabas kepada 57 Pegawai Kadet yang telah menerima taahiah masing-masing dan kepada Pegawai-Pegawai Kadet yang menerima anugerah-anugerah di setiap jurusan. Semuga akan menjadi barisan pemimpin muda ABDB yang mampu menaungi amanah besar selaku pemimpin di dalam institusi pertahanan dan keselamatan negara serta bakal barisan pelapis yang akan memegang tampuk kepimpinan ABDB - **Ketua Penyuntingan (Nh)**.

RAMALAN CUACA 3 HARI		
ISNIN	SELASA	RABU
BANDAR SERI BEGAWAN		
32 26 °C	31 25 °C	31 25 °C
PEKAN BANGAR		
32 25 °C	30 24 °C	30 24 °C
PEKAN TUTONG		
32 25 °C	31 25 °C	31 25 °C
KUALA BELAIT		
32 25 °C	31 25 °C	31 25 °C

WAKTU SEMBAHYANG										
firman Allah Ta'ala dalam Surah Al-Ankabut, ayat 45, bermaksud: "...dan dirikanlah sembahyang sesungguhnya sembahyang itu mencegah daripada fasya' dan mungkar."										
Masihi JANUARI	HARI	Hijrah JAMADILAWAL	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
21	ISNIN	15	5.03	5.13	6.35	6.59	12.32	3.54	6.28	7.41
22	SELASA	16	5.04	5.14	6.35	6.59	12.33	3.54	6.28	7.41
23	RABU	17	5.04	5.14	6.35	6.59	12.33	3.55	6.28	7.41
24	KHAMIS	18	5.04	5.14	6.35	6.59	12.33	3.55	6.29	7.42
25	JUMAAT	19	5.04	5.14	6.36	6.59	12.33	3.55	6.29	7.42
26	SABTU	20	5.05	5.15	6.36	6.59	12.34	3.55	6.29	7.42
27	AHAD	21	5.05	5.15	6.36	6.59	12.34	3.55	6.30	7.42

Daerah Brunei Muara & Temburong. Peringatan: Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

Wallahualam Bissawab  
 Jabatan Kaji cuaca  
 Brunei Darussalam  
 www.met.gov.bn

Talian Cuaca  
**114**

Brunei WX  
 App

**TALIAN KECEMASAN** 991 | POLIS 993 | BOMBA 995 | PENYELAMAT 998

(Talian Darussalam) JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK  
 JABATAN PENGANGKUTAN DARAT.  
 KEMENTERIAN PEMBANGUNAN DAN e-darussalam

NDMC  
**123** | **2380214**

# Hadiri Forum Pelancongan ASEAN 2019 di Viet Nam

Siaran Akhbar dan Foto :  
Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan

**HA LONG CITY, REPUBLIK SOSIALIS VIET NAM, Ahad, 20 Januari.** - Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (SSUP), Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Haji Apong menghadiri Mesyuarat Menteri Pelancongan ASEAN Ke-22, Mesyuarat Menteri Pelancongan Campur Tiga Ke-18 dan Mesyuarat Menteri Pelancongan ASEAN-India Ke-7 bermula 17 hingga 18 Januari 2019, di Ha Long City, Republik Sosialis Viet Nam sempena Forum Pelancongan ASEAN 2019 (ATF 2019). Mesyuarat itu dipengerusikan oleh

Menteri Kebudayaan, Sukan dan Pelancongan Viet Nam, Tuan Yang Terutama Nguyen Ngoc Thien dan Menteri SSUP Negara Brunei Darussalam, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali sebagai Naib Pengerusi Mesyuarat Menteri-Menteri Pelancongan ASEAN Ke-22.

Mesyuarat-mesyuarat tersebut didahului oleh Pertemuan Pelancongan Ke-49 Pertubuhan Pelancongan Kebangsaan ASEAN dan mesyuarat-mesyuarat yang berkaitan dengan rakan-rakan dialog dari 14 hingga 16 Januari 2019. Turut hadir ialah Setiausaha

Tetap Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP) dan pegawai-pegawai dari Jabatan Kemajuan Pelancongan, KSSUP.

Mesyuarat Menteri Pelancongan ASEAN Ke-22 membincangkan mengenai Promosi dan Pemasaran Pelancongan ASEAN; Mempelbagaikan Produk Pelancongan ASEAN; Menyambung Pembangunan Pelancongan Warisan ASEAN di Era Digital; Membangun Pelancongan Berkualiti; Menarik Pelaburan Pelancongan; Meningkatkan Keupayaan Profesional Pelancongan; Meningkatkan Penyertaan Sektor Masyarakat dan Swasta; Pembentangan untuk Pengerusi

ASEAN Thailand; Meningkatkan Fasilitasi Perjalanan dan Kesenambungan untuk Pelancongan.

Mesyuarat Menteri Pelancongan ASEAN Campur Tiga (China, Jepun dan Republik Korea) Ke-18 telah diadakan pada 18 Januari 2019 di Ha Long City, Republik Sosialis Viet Nam, sempena Mesyuarat Menteri-Menteri Pelancongan ASEAN (M-ATM) Ke-22 dan Forum Pelancongan ASEAN 2019. Mesyuarat itu dipengerusikan oleh Menteri Kebudayaan, Sukan dan Pelancongan Viet Nam, TYT Nguyen Ngoc Thien dan Ketua Pengarah Dasar Industri Pelancongan, Encik Yu Byungchae yang mewakili Menteri

Kebudayaan, Sukan dan Pelancongan, Republik Korea, Tuan Yang Terutama Encik Do Jonghwan. Mesyuarat itu didahului oleh Mesyuarat Pelancongan Nasional (NTO) ASEAN Plus Three Ke-34 yang diadakan pada 16 Januari 2019.

Mesyuarat Menteri-Menteri Pelancongan ASEAN dan India Ke-7 telah diadakan pada 18 Januari 2019 di Ha Long City, Viet Nam sempena Forum Pelancongan ASEAN 2019. Mesyuarat itu dipengerusikan bersama oleh TYT Nguyen Ngoc Thien dan Menteri Negara Pelancongan India, Tuan Yang Terutama Alphons Joseph Kannanthanam.

Semasa Forum Pelancongan ASEAN 2019, Negara Brunei Darussalam juga memaklumkan pertemuan penjenamaan pelancongan baharu Brunei dengan slogan baharu "Abode of Peace" yang melambangkan personaliti muda yang menjanjikan masa depan yang bersemangat dan positif untuk generasi akan datang dan mencerminkan identiti negara yang aman dan harmoni. Video promosi pelancongan baharu juga telah ditayangkan.

Forum Pelancongan ASEAN (ATF) 2019 diadakan pada 14 hingga 18 Januari 2019 di Ha Long City, Republik Sosialis Viet Nam dengan tema "ASEAN - Power of One" telah dihadiri oleh 362 pembeli, 640 peserta pameran dan 145 media.



MENTERI Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Haji Apong bersama rakan ASEAN menghadiri Mesyuarat Menteri Pelancongan ASEAN Ke-22, Mesyuarat Menteri Pelancongan Campur Tiga Ke-18 dan Mesyuarat Menteri Pelancongan ASEAN-India Ke-7 bermula 17 hingga 18 Januari 2019, di Ha Long City, Republik Sosialis Viet Nam sempena Forum Pelancongan ASEAN 2019 (ATF 2019).

## Resepsi Malam Brunei tonjol kebudayaan negara

**HA LONG BAY, REPUBLIK-SOSIALIS VIET NAM, Ahad, 20 Januari.** - Negara Brunei Darussalam (NBD) melalui Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan dan dengan bantuan Kedutaan Brunei di Viet Nam menjadi tuan rumah Resepsi Malam Brunei pada 17 Januari 2019 di Hotel Wyndham Legend Halong, Ha Long City, Quang Ninh, Republik Sosialis Viet Nam.

Ini adalah sambungan Forum Pelancongan ASEAN Ke-38 (ATF 2019) yang diadakan antara 16-18 Januari 2019 di mana Republik Sosialis Viet Nam adalah negara tuan rumah.

Hadir pada majlis itu ialah Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat

Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Haji Apong.

Turut hadir ialah Menteri Pelancongan ASEAN, Ketua Organisasi Pelancongan Kebangsaan ASEAN, menjemput pembeli dan media. Sepanjang penerimaan, kira-kira 500 orang menghadiri Majlis Malam Brunei.

Dalam ucapannya Yang Berhormat Dato menekankan penglibatan NBD yang menawarkan pelbagai corak kelslaman, budaya, tarikan semula jadi dan warisan dalam suasana kontemporari Asia makmur, selamat dan stabil. Yang Berhormat Dato juga menambah bahawa Masjid Omar 'Ali Saifuddin adalah tempat paling terkenal di NBD, dan salah satu masjid paling indah di Asia Pasifik dan simbol kepercayaan Islam di NBD. Jame' 'Asr Hassanil Bolkhiah adalah contoh terbaik seni bina Islam yang dijalankan dengan penuh ketekunan yang terperinci.

Sementara itu, Galeri Pameran Islam Sultan Haji Hassanil Bolkhiah yang dijangka dibuka tahun ini akan menempatkan lebih daripada 1,000 manuskrip dan artifak Islam.

Yang Berhormat Dato juga bercakap tentang tarikan-tarikan utama NBD seperti Kampong Ayer dan Taman Negara Ulu Temburong yang mana adalah tarikan alam semula jadi Brunei yang diliputi oleh hutan hujan tropika yang murni video promosi Forum Pelancongan ASEAN (ATF) 2020 di NBD juga dipamerkan semasa majlis penyampaian yang menggambarkan NBD sebagai negara tuan rumah ATF yang akan datang dari segi mempamerkan pelbagai produk dan tarikan pelancongan bagi perwakilan ASEAN pada

tahun 2020.

Semasa majlis penyampaian, pelbagai pilihan masakan dan minuman tempatan di Brunei telah dihidangkan kepada tetamu undangan untuk menikmati rasa masakan melayu yang sebenar. Gerai-gerai memasak yang memaparkan masakan melayu Brunei yang lazat juga disajikan kepada tetamu yang mempunyai hidangan seperti Pulut Gumpal Serunding, Laksa Tahai, Otak-Otak dan lain-lain. Makanan pencuci mulut tempatan seperti Bubur Si Bujang dan Celurut juga disediakan untuk tetamu undangan untuk dinikmati.

Di samping menonjolkan masakan Brunei, Resepsi Malam Brunei diisi dengan penampilan kebudayaan yang menarik dengan penari yang berpakaian berwarna-warni yang mempamerkan tarian terkenal seperti Tari Tualang, tarian yang menyambut tetamu dan pelbagai pertunjukan tradisional seperti Samalindang, Joget Hati Tertawan dan Aduk-Aduk.

## 129 juta pelancong melawat ASEAN pada 2018

**HA LONG CITY, REPUBLIK SOSIALIS VIET NAM, Ahad, 20 Januari.** - Seramai 129 juta pelancong melawat ASEAN pada 2018, meningkat 7.6 peratus dari 2017.

Perjalanan Intra-ASEAN terus menjadi sebahagian besar pelancong, yang terdiri daripada 37.2 peratus daripada jumlah ketibaan antarabangsa pada tahun 2017.

Menteri-menteri ASEAN memuji kemajuan yang dicapai dalam pelaksanaan Pelan Strategik Pelancongan ASEAN (ATSP) 2016-2025, di mana 33 aktiviti utama di bawah Rancangan Kerja untuk 2018-2019 telah selesai dengan sempurna. Menteri-menteri memuji peranan aktif negara-negara utama dan yakin bahawa kemajuan semasa pelaksanaan akan dapat mengekalkan sumbangan sektor pelancongan ASEAN ke arah merealisasikan

matlamat integrasi ASEAN pada tahun 2025.

Promosi dan Pemasaran Pelancongan ASEAN Menteri-menteri bersetuju untuk memberi tumpuan kepada pembangunan dan pelaksanaan pelancongan kesihatan dan pelancongan budaya dan warisan sebagai pengalaman tematik serantau untuk 2019, sejajar dengan Strategi Pemasaran Pelancongan ASEAN.

Menteri-menteri mengucapkan penghargaan kepada Air Asia sebagai Rakan Syarikat Penerbangan dan kepada TTG sebagai Rakan Kongsi Media Perdagangan untuk kerjasama dan sokongan aktif mereka dalam pemasaran pelancongan ASEAN sepanjang tahun 2018, dan berharap dapat memperkuat perkongsian dalam beberapa tahun akan datang.

Ke muka 22

### Dari muka 1

Pada Forum Pelancongan Asean Ke-39 pada tahun 2020, yang diadakan di NBD, masa depan perjalanan ASEAN akan menjadi fokus perbincangan industri, di mana inovasi akan menjadi pusat pentas untuk menyediakan pelancongan ASEAN untuk masa depan. Potensi rantau ini kelihatan positif dan cerah memandangkan ia mencari laluan yang belum dilalui dan kempen yang tidak dilepaskan yang menantikan perjalanan generasi akan datang.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Haji Apong menutup ucapannya dengan mengucapkan terima kasih kepada negara tuan rumah Viet Nam dan berharap dapat melihat semua dalam Forum Pelancongan ASEAN 2020 di Negara Brunei Darussalam.



MENTERI Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Haji Apong (tengah) hadir Resepsi Malam Brunei pada 17 Januari 2019 di Hotel Wyndham Legend Halong.

# Raih keberkatan rezeki dengan bersyukur



MENTERI di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Mokti bin Haji Mohd. Daud; Pemangku Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II; Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama; Timbalan Menteri Kewangan, Kementerian Kewangan dan Ekonomi dan Setiausaha-Setiausaha Tetap di JPM dan KHEU antara yang hadir bersama-sama jemaah pada Program Masjidku Makmur Negara Berkat.

## Dari muka 1

Hadir bersama-sama jemaah masjid bagi menjayakan program tersebut ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Mokti bin Haji Mohd. Daud; Pemangku Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi

II, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman; Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Bahrom bin Pengiran Haji Bahar; Timbalan Menteri Kewangan, Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Yang Mulia Dr. Awang Abdul Manaf bin Haji Metussin; Setiausaha Tetap (Hal Ehwal Korporat dan

Pentadbiran Awam) JPM, Awang Haji Roslan bin Haji Taja'ah; Setiausaha Tetap (Pelaburan) Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Yang Mulia Awang Haji Khairuddin bin Haji Abdul Hamid dan Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keagamaan), KHEU, Awang Haji Mohd. Serudin bin Haji Timbang.

Program Masjidku Makmur

## Berita dan Foto : Mohamad Azmi Awang Damit

Negara Berkat pada minggu ini dikendalikan oleh KHEU bersama Kementerian Kewangan dan Ekonomi dengan sokongan Jabatan Perdana Menteri.

Ia merupakan satu program mingguan dan ajakan bagi mengalu-alukan jemaah meningkatkan kehadiran bagi memakmurkan masjid dan seterusnya bersama-sama secara istiqamah (berterusan) mendirikan Sembahyang Fardu Subuh secara berjemaah pada awal waktu

di masjid.

Program ini juga turut memberikan peluang kepada para pengunjung bersempena acara Bandarku Ceria, memulakan langkah dan keceriaan hari mereka dengan meraih keberkatan melalui partisipasi menunaikan tuntutan sembahyang fardu secara berjemaah dan merebut ganjaran pahala melalui bacaan wirid-wirid selepas sembahyang dan kegiatan keagamaan yang telah diaturkan.



ANTARA yang hadir mendengarkan tazkirah Program Masjidku Makmur Negara Berkat bertajuk 'Rezeki: To Which Way?'

## HASRAT NEGARA

### Dari muka 2

Tidak dinafikan, Akademi Pertahanan ABDB adalah satu dari simbol kemajuan dan perkembangan ABDB. Dalam usianya menjangkau 10 tahun, Akademi Pertahanan ABDB, beta yakin, akan dapat terus mengorak langkah ke arah sebuah institusi pendidikan tentera yang lebih berprestij dan diiktiraf sebagai sebuah pusat

kecemerlangan serantau dan antarabangsa.

Akhir kata, beta mengambil kesempatan sekali lagi untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada 57 orang Pegawai Kadet yang akan menerima tauliah mereka. Beta berharap kesemua mereka ini akan menjadi barisan pemimpin muda ABDB yang berkesan, berhemat dan profesional di dalam menanai amanah besar selaku pemimpin di dalam

institusi pertahanan dan keselamatan negara.

Dengan bertawakal kepada Allah Subhanahu Wata'ala dan berkat kalimah *Bismillahir Rahmannir Rahim*, beta dengan sukacita mengurniakan tauliah sebagai Pegawai ABDB kepada 57 Pegawai Kadet Pengambilan Ke-17.

Sekian, *Wabillahit Taufeq Walhidayah, Wassalamu 'Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.*

## MAKLUMAN



ORANG ramai adalah dialu-alukan untuk mendapatkan Kalendar Tahun 2019 terbitan Jabatan Penerangan mulai Rabu, 16 Januari 2019 pada waktu pejabat di :

- Kaunter Unit Sokongan, Bangunan Asal Jabatan Penerangan, Lapangan Terbang Lama Berakas;
- Kaunter Cawangan Penerangan Kuala Belait;
- Kaunter Cawangan Penerangan Tutong; dan
- Kaunter Cawangan Penerangan Temburong.

Jumlah kalendar adalah TERHAD

# RTB catat peningkatan peratus penonton dan pendengar



PENGARAH Radio Televisyen Brunei (RTB), Awang Haji Muhammad Suffian bin Haji Bungsu selaku tetamu kehormat majlis melancarkan Karnival RTB 2019 (kiri). Sementara gambar kanan, Pengarah RTB semasa melawat pameran di karnival tersebut.

Oleh : Khartini Hamir  
Foto : Masri Osman

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Sabtu, 19 Januari. - Hasil kajian audiens 2017 mendapati sejumlah 72 peratus rakyat negara ini mengikuti siaran televisyen Radio Televisyen Brunei (RTB) berbanding dengan jumlah 78 peratus pada tahun 2016, sementara jumlah pendengar radio RTB meningkat dari 85 peratus pada tahun 2016 kepada 90 peratus pada tahun 2017.

RTB akan sentiasa merujuk kepada dapatan hasil kajian audiens sebagai asas dan pendorong untuk terus mencari

jalan dan berusaha melaksanakan program-program pembaikan siaran berterusan ke arah memastikan siaran televisyen dan radio serta perisiannya masih relevan dan memenuhi citarasa masyarakat penonton dan pendengar.

Pengarah RTB, Awang Haji Muhammad Suffian bin Haji Bungsu selaku tetamu kehormat majlis, menyatakan mengenai perkara itu dalam ucapan perasmian di Majlis Pelancaran Karnival RTB 2019 anjuran Jabatan Radio Televisyen Brunei yang berlangsung di

Atrium Airport Mall, Berakas, hari ini.

Menurutnya lagi, sepertimana stesen-stesen penyiar serantau, RTB turut berhadapan dengan pelbagai cabaran yang perlu diatasi lebih-lebih lagi dalam era kemajuan teknologi komunikasi yang pantas, lanskap penyiaran yang sentiasa berubah serta ekspektasi masyarakat yang semakin meningkat.

Justeru tambahnya, RTB sedang berusaha merancang dan menyasarkan tumpuan pembaikan kepada tiga bidang kecemerlangan iaitu Kecemerlangan Operasi; Kecemerlangan Produktiviti; dan Kecemerlangan Organisasi.

Dalam bidang Kecemerlangan Operasi, RTB telah melaksanakan

beberapa pencapaian penting ke arah memastikan kualiti teknikal siaran dapat dipertingkatkan antaranya termasuk penutupan siaran televisyen analog dan berhijrah sepenuhnya ke siaran digital HD mulai 1 Januari 2018.

Di samping itu, RTB juga telah menggunakan perkhidmatan *online streaming* bagi acara-acara kenegaraan selain turut menubuhkan jawatankuasa adhoc untuk membuat penelitian terperinci bagi memperkenalkan perkhidmatan OTT (Over The Top) televisyen Brunei seperti di negara jiran.

Bagi Kecemerlangan Produktiviti pula, antara langkah yang diambil adalah pengemaskinian dan penjenamaan semula saluran-saluran televisyen menjadi RTB Perdana, RTB Aneka dan RTB Sukmaidera.

Manakala dalam bidang Kecemerlangan Organisasi dan Modal Insan, penekanan tertumpu kepada penggunaan sumber manusia yang optimum yang mempunyai gabungan kepakaran dan juga *multi-skilling* serta *multi-tasking*.

Memandangkan betapa beratnya tanggungjawab dan luasnya peranan media penyiar, Pengarah RTB turut menekankan peningkatan ilmu pengetahuan, di samping mempelajari kaedah-kaedah terbaru juga adalah perlu dalam meningkatkan lagi kualiti dan pelaksanaan tugas masing-masing dengan lebih baik dan berkesan.

"Kita adalah pakar dalam bidang penyiaran justeru penghasilan pakar-pakar ini mesti berdaya maju untuk membangunkan pelapis masa hadapan. Kita juga tidak boleh bergantung kepada segelintir warga sahaja, sebaliknya semua warga harus berganding bahu dan bersatu sebagai satu pasukan yang kukuh dan bersatu," jelas beliau lagi.

Juga hadir sama pada majlis tersebut ialah para penaja; para

Pengurus Syarikat Penerbitan Tempatan; pegawai-pegawai Perhubungan Awam Kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan; Ketua-ketua Kampung Mukim Berakas 'B'; para peniaga; pegawai-pegawai kanan serta kakitangan kerajaan.

Majlis terdahulunya dimulakan dengan bacaan Doa Selamat yang kemudian diikuti dengan persembahan Sketsa Masam-Masam Manis dan seterusnya Ucapan Pelancaran Karnival RTB 2019 oleh Pengarah RTB sebelum membuat kunjungan ke petak-petak pameran.

Karnival RTB 2019 diadakan selama dua hari bermula hari ini dan esok, Ahad, 20 Januari 2019 dari 10.00 pagi hingga 10.00 malam.

Orang ramai yang hadir berpeluang melawat pameran dari bahagian-bahagian RTB mengenai perkhidmatan dan produk RTB dan ikut serta dalam aktiviti-aktiviti yang disediakan antaranya Brunei Siok, Roda Saluran, Bersama Artis, Persembahan Wushu, Bermukun, Drama Sitcom, Roadshow Akulah Juara, Kuiz Pengunjung, Peraduan Make-Up, Tazkirah, Talk Generasi 914, Pentas Best 914 dan Sesi Percubaan Membaca Berita.

Selain itu, sebahagian pengusaha-pengusaha Mikro, Kecil dan Sederhana (MSME) turut terlibat mengadakan jualan sempena karnival ini bermula pada sebelah petang hari Jumaat 18 Januari 2019 di tempat yang sama.

Objektif karnival adalah untuk membarigakan kepada orang ramai mengenai perkembangan RTB; mempromosikan rancangan-rancangan radio dan TV; mendekati orang ramai dengan hiburan dan uji bakat serta menyokong dan memperkembangkan inisiatif-inisiatif industri kreatif dan pengusaha-pengusaha tempatan.



PENGARAH RTB juga mengunjungi studio radio yang bersiaran langsung dari Atrium Airport Mall, Berakas.

# Syafiqah Rosli juara Best 914



PENGARAH Radio Televisyen Brunei, Awang Haji Muhammad Suffian bin Haji Bungsu menyampaikan hadiah kepada Juara Pertandingan BEST 914 anjuran Pelangi FM (kiri). Sementara gambar kanan, antara pengunjung yang hadir menyaksikan pertandingan tersebut.

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad  
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 19 Januari. - 'Sampai Bila' lagu pilihan yang didendangkan oleh Syafiqah Rosli mampu mencuri hati para juri sekali gus

menobatkan beliau sebagai juara 'Best 914' Kali Ke-15 bagi tahun 2019 yang diadakan di Airport Mall, Berakas. Sementara itu Andie muncul

sebagai Naib Juara dengan membawa lagu 'Hajat' sekali gus menyandang gelaran Star Best 914 iaitu peserta yang menerima jumlah *like* terbanyak di Instagram rasmi @best914. *pelangifm* dan merangkul pemenang bagi Peserta Terbaik. Sementara lagu 'Kata Akhirmu'

berada di tempat ketiga disandang oleh Azim.

Hadir selaku tetamu kehormat dan menyampaikan hadiah kepada para pemenang ialah Pengarah Radio Televisyen Brunei, Awang Haji Muhammad Suffian bin Haji Bungsu.

Seramai 12 peserta berjaya

melayakkan diri ke peringkat akhir Best 914 pada kali ini yang antara lain bertujuan untuk mencungkil bakat-bakat baharu.

Acara turut dimeriahkan lagi dengan persembahan hebat daripada artis-artis tempatan, iaitu Aznniel Yunus, Kip Hafizuddin dan Ezah Hashim.



## LENSA

Awda kreatif, berbakat dan berminat dalam fotografi?

BERIKUT ADALAH TAJUK-TAJUK RUANG LENSA :

Tajuk-tajuk akan datang :  
1) 'Air' - Tarikh Tutup : 26 Januari 2019  
2) 'Senyum' - Tarikh Tutup : 9 Februari 2019  
3) 'Bendera atau Anak Merdeka' - Tarikh Tutup : 23 Februari 2019  
Kesemua tajuk-tajuk hendaklah dihantar sebelum jam 12.00 tengah hari pada tarikh-tarikh berkenaan.



TAJUK : 'BERSEKOLAH'

Keterangan gambar : Kawan baharu

Kamera : Canon Eos 80D / ISO 640 / Aperture F4 / Shutter Speed 1/200s

Nama Penuh : Hazimah binti Abdul Hamid

Alamat : No.76 Spg 353 Jalan Bukit Bilid. RPN Bukit Beruang, Tutong, TC 3345.

# Poster Pengisytiharan BSB Ibu Negara Ketamadunan Islam diagihkan



PEMANGKU Pengarah Pentadbiran dan Kewangan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), Awang Mohammad Zulhilmi bin Haji Omar Ali (kiri) hadir menyerahkan poster kepada salah seorang wakil dari Kementerian dan jabatan.

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 19 Januari. - Sempena pengisytiharan Bandar Seri Begawan Ibu Negara Ketamadunan Islam Bagi Rantau Asia Tahun 2019, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) melalui Unit

Perhubungan Awam, hari ini mengagih-agihkan poster-poster dalam satu Majlis Penyerahan Poster yang berlangsung di Dewan Citra Budaya, KKBS, di sini.

Hadir menyampaikan poster-poster sempena pengisytiharan tersebut kepada Pegawai-pegawai Perhubungan Awam, wakil-wakil dari Kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan kerajaan ialah Pemangku Pengarah Pentadbiran dan Kewangan, KKBS, Awang Mohammad Zulhilmi bin Haji Omar Ali.

Pembarigaan poster-poster tersebut bertujuan untuk memaklumkan kepada orang ramai mengenai pengisytiharan Bandar Seri Begawan Ibu Negara Ketamadunan Islam Bagi Rantau Asia Tahun 2019.

Antara acara-acara utama yang sedang dan akan diadakan sempena pengisytiharan berkenaan ialah Pameran Jejak Seni Bina Islam Bandar Seri Begawan; Ekspo Islam Antarabangsa Ke-2 dan Pameran Fotografi Al-Quds Al-Sharif.

Oleh : Haniza Abdul Latif  
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas



WAKIL-WAKIL dari Kementerian dan jabatan hadir bagi menerima poster sempena pengisytiharan Bandar Seri Begawan Ibu Negara Ketamadunan Islam Bagi Rantau Asia Tahun 2019.

## Jabatan Penerangan teruskan usaha semai semangat patriotik pelajar



SALAH seorang penuntut Sekolah Menengah Pengiran Anak Puteri Hajah Masna ketika ditanyakan tentang bendera negara pada Program Taklimat Kenegeraan Raja Kita, Menghayati Bendera dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam.

SUNGAI AKAR, Sabtu, 19 Januari. - Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri melalui Unit Kenegeraan, Bahagian Kenegeraan dan Kemasyarakatan mengadakan Program Taklimat Kenegeraan Raja Kita, Menghayati Bendera dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam bertempat di Dewan Sekolah Menengah Pengiran Anak Puteri Hajah Masna, Kampung Sungai Akar di sini.

Turut hadir pada program tersebut ialah Pengetua Sekolah Menengah Pengiran Anak Puteri Hajah Masna, Hajah Norwen binti Haji Ibrahim, tenaga pengajar serta penuntut-penuntut Tahun 7 sekolah seramai 190 pelajar.

Antara tujuan program tersebut diadakan adalah sebagai salah satu

Siaran Akhbar : Jabatan Penerangan  
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

usaha berterusan Jabatan Penerangan dalam menyemai cinta terhadap raja, agama, bangsa dan negara, di samping mengukuhkan semangat solidariti, patriotik dan kenegeraan yang tinggi dalam diri penuntut melalui lagu kebangsaan dan bendera negara.

Program pagi tadi turut diisikan dengan Taklimat Kenegeraan yang disampaikan oleh Ketua Unit Kenegeraan, Bahagian Kenegeraan dan Kemasyarakatan, Dayang Hajah Hamsah binti Datu Kerna Haji Jaya yang antara lain menyentuh mengenai Raja Kita, tatacara menaik-kibarkan bendera negara dan sejarah Lagu

Kebangsaan Negara Brunei Darussalam 'Allah Peliharakan Sultan' dengan terperinci.

Diikuti dengan tayangan klip video 'Kibarkanlah Dengan Megah Bendera Negara', 'Semarak Pengibaran Bendera Negara' dan Video Animasi 'Tatacara Menaikkan Bendera Negara'.

Selain itu, para penuntut juga berpeluang menyertai Kuiz Kenegeraan yang dikendalikan oleh Jabatan Penerangan. Taklimat diakhiri dengan penyampaian hadiah kepada para penuntut yang berjaya menjawab Kuiz Kenegeraan.



PENUNTOT-PENUNTOT Tahun 7 Sekolah Menengah Pengiran Anak Puteri Hajah Masna, mendengar Taklimat Kenegeraan Raja Kita, Menghayati Bendera dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (kiri). Sementara gambar kanan, Pegawai Penerangan yang juga selaku Ketua Unit Kenegeraan, Bahagian Kenegeraan dan Kemasyarakatan, Dayang Hajah Hamsah binti Datu Kerna Haji Jaya menyampaikan taklimat kepada para penuntut Sekolah Menengah Pengiran Anak Puteri Hajah Masna.

# PPNBD bakal anjur Seminar Menuju 100 Tahun Berpengakap di NBD



**YANG** Dipertua Persekutuan Negara Brunei Darussalam (PPNBD), Awang Haji Matusin bin Orang Kaya Sura Haji Tuba (tengah) semasa mempengerusikan sesi taklimat Pembentangan Kertas Kerja Seminar PPNBD yang bertemakan Menuju 100 Tahun Berpengakap di Negara Brunei Darussalam.

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Ahad, 20 Januari. - Tahun 2019 genaplah usia ke-86 tahun (1933-2019) kewujudan pergerakan berpengakap di Negara Brunei Darussalam, yang mana kewujudannya tidak dinafikan pelbagai kejayaan dan kecemerlangan telah dapat dicapai baik di peringkat kebangsaan, serantau dan antarabangsa.

Paling ketara, Persekutuan Negara Brunei Darussalam (PPNBD) telah berupaya menyumbangkan tenaga manusianya di dalam mengisi keperluan negara.

Ada kalangan Pemimpin-pemimpin Pengakap yang menerajui kepimpinan pergerakan

Pengakap ini sejak dari awal sehingga sekarang telah dapat memperlihatkan pencapaian dan kejayaan peribadi di dalam bidang masing-masing.

Menempuh perjalanan yang sangat panjang ini, pelbagai cabaran telah dapat ditempuhinya, PPNBD mengakui dan menerima hakikat bahawa masih banyak perkara yang perlu diperbaiki dan dipertingkatkan pelaksanaannya.

Dalam waktu yang hanya lebih kurang 14 tahun saja lagi ke tahun 2033, Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam akan berusia 100 tahun. Menyambut usia 100 tahun bagi pergerakan sesebuah organisasi kesukarelawanan sangat bermakna

sekali.

Tidak banyak pertubuhan bukan kerajaan (Non-Government Organisations - NGO's) yang berkonsepkan kesukarelawanan yang dapat bertahan dan mencapai ke usia 100 tahun pergerakannya. Oleh yang demikian dengan usia ke-100 tahun dan seterusnya nanti sudah tentu ingin dilihat kebanggaan imej dan prestasinya.

Selari dengan perjalanan menuju ke-100 tahun penubuhan pergerakan berpengakap di Negara Brunei Darussalam ini, satu seminar akan diadakan untuk mendapatkan perkongsian buah fikiran dan saranan serta cadangan yang perlu sebagai pemangkin kepada Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam untuk menuju kecemerlangan seterusnya nanti.

Cadangan untuk mengadakan seminar tersebut, adalah juga mengambil kira fungsi dan peranan seminar itu sendiri yang boleh dijadikan landasan bagi sesuatu perbahasan masalah secara ilmiah.

Dalam erti kata lain, seminar itu diadakan untuk mencari suatu kaedah pemecahan masalah dan seterusnya mencari jalan pilihan untuk mengatasi masalah yang ada. Kaedah suatu seminar juga amat meyakinkan kerana ianya akan diakhiri dengan kesimpulan dan keputusan-keputusan yang merupakan hasil pendapat bersama yang diikuti dengan resolusi dan rekomendasi untuk diambil tindakan oleh pihak-pihak yang berkenaan mengenainya.



**ANTARA** yang hadir pada sesi taklimat Pembentangan Kertas Kerja Seminar PPNBD yang bertemakan Menuju 100 Tahun Berpengakap di Negara Brunei Darussalam.

## Siaran Akhbar : Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam (PPNBD)

Sehubungan dengan itu, PPNBD telah mengadakan sesi taklimat Pembentangan Kertas Kerja Seminar PPNBD yang bertemakan Menuju 100 Tahun Berpengakap di Negara Brunei Darussalam yang dicadangkan berlangsung pada awal bulan Julai 2019.

Antara lain seminar ini bertujuan untuk meneliti dan menilai semula kejayaan, kekuatan dan jurang di dalam pergerakan Pengakap, mengenal pasti keperluan bagi mempertingkatkan lagi imej dan kejayaan PPNBD, mengenang jasa kepimpinan Pengakap yang terdahulu dan mendukung Wawasan Negara Brunei Darussalam 2035.

Taklimat yang dipengerusikan oleh Yang Dipertua PPNBD, Awang Haji Matusin bin Orang

Kaya Sura Haji Tuba telah membincangkan beberapa perkara penting, yang melibatkan pemilihan tajuk-tajuk kertas yang akan dibentangkan dan tatacara pelaksanaan seminar tersebut kepada seramai lebih 30 orang ahli Pengakap terdiri dari ahli-ahli Majlis Pengakap Kebangsaan, Ahli-ahli Majlis Pesuruhjaya-Pesuruhjaya Pengakap Kebangsaan, Ahli-ahli Majlis Persatuan Pengakap Daerah, Pemimpin-pemimpin Pengakap dan ahli Pengakap Kelana bertempat di Bilik Persidangan, Bangunan Ibu Pejabat PPNBD, Jalan Gadong.

Turut hadir ialah Ketua Pesuruhjaya Pengakap, Haji Awang Badar bin Haji Awang Ali.

## Siti Mariam terima hidayah setelah melihat keindahan Islam



**MARY** Anne Legaspi Guevarra bangsa Filipina memilih nama Islamnya sebagai Siti Mariam binti Abdullah.

Oleh : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim  
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

**JERUDONG,** Sabtu, 19 Januari. - Syiar Islam terus sahaja bersinar di Negara Zikir Brunei Darussalam dengan kemasukan seorang wanita bangsa Filipina yang memeluk agama Islam pada hari ini.

Majlis Pengislaman bagi Mary Anne Legaspi Guevarra, 47, diadakan di kediaman Pengiran Hajah Zaleha Norkhadajah binti Pengiran Haji Mokhtar Puteh, Kampung Tagap, di sini.

"Syukur alhamdulillah, saya memilih agama Islam sebagai agama anutan saya yang sebenar setelah melihat cara kehidupan dan keindahan Islam di negara ini.

Sebelum bekerja di Brunei saya pernah bekerja di Arab Saudi dan dari sana keinginan memeluk agama Islam sudah mula timbul dan ditambah lagi adik saya yang sudah beragama Islam dan beliau

sedikit sebanyak ada mengajar tentang Islam dan keinginan untuk memeluk Islam semakin kuat dan kini telah tercapai," ujar Mary Anne yang kini dikenali dengan nama Islamnya sebagai Siti Mariam binti Abdullah Legaspi.

Majlis pengislaman tersebut dikendalikan oleh pegawai Unit Pengislaman, Bahagian Pengembangan Da'wah, Pusat Da'wah Islamiah (PDI).

Menurut kenyataan dari Unit Pengislaman, PDI dari 1 hingga 14 Januari 2018 telah mencatatkan seramai lima saudara baharu memeluk agama Islam di Daerah Brunei dan Muara.

Sementara itu, jumlah saudara-saudara baharu seluruh negara yang dicatatkan sepanjang tahun 2018 dari Januari hingga Disember ialah seramai 404 orang.

## MINDA PEMBACA

Serlahkan kreativiti penulisan awda dengan menyertai ruangan ini :

**TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :**

1. 'Kesan-Kesan Amalan Makan Makanan Segera'. Tarikh Tutup : 23 Januari 2019
2. 'Solat Mencegah Perbuatan Keji dan Mungkar'. Tarikh Tutup : 30 Januari 2019
3. 'Semai Akhlak Mulia Dalam Kehidupan Sehari-hari'. Tarikh Tutup : 6 Februari 2019

**Terma dan Syarat :**

1. Penyertaan dibuka kepada remaja yang berusia lingkungan 15 hingga 25 tahun, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak langkau dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 patah perkataan.
3. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

**Sidang Pengarang, Minda Pembaca,**

Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan,  
Lapangan Terbang Lama, Berakas,  
Bandar Seri Begawan, BB3510.

Negara Brunei Darussalam atau melalui e-mel:

pelita.brunei@information.gov.bn

**Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang**

Menangi  
**BND75**  
Setiap Minggu



# سرورك بروني

## هولوركن درما كقد أنق ٢ يتيم

ياكي دانا فغيران مودا مهكوت المهندى بالله اتوق أنق ٢ يتيم بع تله فون برمولا قد ٢٦ نويمبر ٢٠١٨ بع لالو دان براخير قد ٣١ جنواري ٢٠١٩. فروجيك ناهون ابن مروفانك ساله ساتو اوسها دانا ياكي مودهكن اورغ رامي اتوق مغيرولوركن سومين مريك ملايو بي فرخدمتن SMS ياكي سام ٢ ممتب أنق ٢ يتيم دنكارا بروني دارالسلام اتوق مندافتكن كهيدوقن بع سلبسا دان مندافة اوسهن، قيمين دان فنداييقن بع سمفورنا ياكي منجادين مريك وركا نكارا بع بركونا.

مندغن برصدقه اتو بردرما اداله عمالن مليا دان دنجيكن كنجارن بع ساعه بسره، ماريله كيت ملازمك ديري اتوق برصدقه اتو بردرما، تيدق كيرا سماء بايق اتو سدبكت، اف بع فنيغ اداله نية بع اخلاص كران الله سبحانه وتعالى. كتهيله، مسكوهن الله سبحانه وتعالى تيدق مندغ براف بايق صدقه بع دهولوركن اكن تئاني الله سبحانه وتعالى مندغ هاتي اورغ بع برصدقه. مدهمدهن سكل بع كيت انفقن دان درماكن دغن تولوس اخلاص دترما اوله الله سبحانه وتعالى دان دغن رزقي كيت سناكين برقمه، برقه، مندافة كرضان دان رحمة بع برقناغن درقد الله سبحانه وتعالى. آمين يا رب العالمين.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

وَمَا أَدْرَاكَ مَا الْعَقَبَةُ ﴿١٥﴾ فَكُ رَقِيَةً ﴿١٦﴾

أَوْ اطَّلَعْتُ فِي يَوْمٍ ذِي مَسْجَبَةٍ ﴿١٧﴾ يَتِيمًا ذَا مَقْرَبَةٍ ﴿١٨﴾

صَدَقَ اللَّهُ الْعَظِيمِ

{سورة البلد ١٢-١٥}

تفسير:

دان ناهوكه ائكو افكه جان بع سوكر ايت؟ (يايت) مردبكاكن هسا. اتو ميري ماكن قد هاري براكو كلاقران. (كقد) أنق يتيم بع اد هوبوغن قرابة.

بَارَكَ اللَّهُ لَنَا فِي الْفُرْءَانِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنَا بِالْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ. وَنَقَلْنَا مِنَّا تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ، وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلِكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ فِيمَا قُورَ الْمُسْتَغْفَرِينَ وَيَأْتِجَاةَ النَّاسِينَ.

مغيرولوركن صدقه كقد أنق ٢ يتيم اداله صفة ترفوحي دان فهلا ياكي اورغ بع برصدقه امله بسر والوقون صدقه بع دهولوركن هان دغن نيلاي اتو جمله بع سدبكت.

مسلمين بع درحمي الله،

آكام كيت ساعه مغيبيل برت تنغ حال احوال دان كيجقن أنق ٢ يتيم دالم سموا أسبق سماء دري سكي فتحكان سبهكله كقد حال احوال فندالين هرت مريك. اوله ايت، اداله منجادي تفكوغجواب كيت سموا اتوق فكا دان بربوات بايك سرت مغيبيل برت ترهادف كيجقن مريك له ٢ لاكي اورغ ٢ بع تله دفرتفكوغجوابكن اتوق منجك أنق ٢ يتيم ترسوت. كتهيله، اورغ بع منجك دان مغاسبهي أنق يتيم اكن تلوونك هاتين اوله الله سبحانه وتعالى دان دجوكوفكن كقرلوان سبف هاري. رسول الله صلى الله عليه وسلم جوك اد ميونكن كلبين دان كميلان اورغ بع منجك أنق يتيم. سناكيمان سبدا رسول الله صلى الله عليه وسلم:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ:

كَافِلُ الْيَتِيمِ لَهُ أَوْ لِعِزَّةٍ، أَنَا وَهُوَ كَهَاتَيْنِ فِي الْجَنَّةِ.

وَأَشَارَ مَالِكٌ بِالسَّبَابَةِ وَالْوُسْطَى

{رواه الإمام مسلم}

مقصود:

درقد ابو هريره رضي الله عنه كاتن: رسول الله صلى الله عليه وسلم برسبدا: فحناك أنق يتيم درقد قرابة اتو بوكن قرابتن، ساي دان فحناك ايت اداله سقرت دوا جاري اين دالم شرك. مالك (فرواية حديث) مغاشارنكن دغن جاري تلوونق دان جاري هنتو.

مسلمين بع درحمي الله،

قد عمومع مشاركة كيت اداله مشاركة فغاسيه لايت فمدولين دان كاسيه سايع، سقاني دان برتفكوغجواب ترهادف اورغ ٢ بع ضعيف (مملوكن) ترماسوق أنق ٢ يتيم. تردافة بايق قيهن برأوسها اتوق مغيرولوركن دان مقومولوركن دانا ياكي ميري بتوان كقد مريك سماء دري قيهن كراجان، سواسنا اتوقون فرسندرين سقرت تابوغ دانا فغيران مودا مهكوت المهندى بالله اتوق أنق ٢ يتيم، تابوغ كوتيقن اتوق أنق ٢ يتيم دممسجد-مسجد، فرساتوان ٢، فروجيك ٢ عمل دان سناكين .

اوله ايت، سام ٢ كيت مغيرولوركن سومين دان بردرما كقد مريك دغن ساخلاص هاتي، له ٢ لاكي دنكارا كيت بايق كموداهن اتوق مغيرولوركن صدقه اتو درما سقرت ملايو بي فروجق SMS بروني فريهاتين

مسلمين بع درحمي الله، ماريله كيت سام ٢ مغوكوهكن ايمان دان تقوى كحضرة الله سبحانه وتعالى دغن ماثوهي سكل سوروهنن دان مينعكلكن سكل لارغن. دغن بربكلكن ايمان دان تقوى ايت، مدهمدهن كيت سلبسا سلامة ددنيا دان سلامة ااخيرة، سموك الله سبحانه وتعالى ترؤس منتفكن دان مينعكلكن كلفمانن دان كفقوان كيت هيلك كاخير حياة.

مسلمين بع درحمي الله،

آكام كيت مغاخر كيت اتوق سلبسا منامكن دالم ديري كيت صفة ٢ محمودة (تفوجي) سقرت بربوات بايك، صبر، عادل، اخلاص، فريهاتين، فمدولين، ميريكن فرتولوغن كقد مريك بع مملوكن دان سباكين. مسكوهن الله سبحانه وتعالى مريتهكن هسا-هسا سقاي برتولوغ-تولوغن دان بنتو-مبتو كاره فركارا بع بركيقن. اتارا جارا اتوق ملقسناكن كونسيف تولوغ منولوغ اتو بنتو ممتو اباله ملايو بي مغلواركن اتو مبلنجاكن هرتا كيت قد جان بع درضاي اوله الله سبحانه وتعالى سقرت عمالن برصدقه.

مسكوهن برصدقه اداله قربوانن بع مغاوتوغن، كران الله سبحانه وتعالى اكن مفكيتيكن صدقه اتو درما كيت دغن رزقي بع برليقت كالي كندا سرت دجاوهكن درقد كسمقين دان دهيندركن درقد صفة تكبر دان بغكا ديري. فرمان الله سبحانه وتعالى دالم سورة الحديد آية ١٨:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

إِنَّ الْمَصْدِقِينَ وَالْمُصَدِّقَاتِ وَأَقْرَبُوا اللَّهُ قَرَضًا حَسَنًا يُضَعَّفُ لَهُمْ

وَلَهُمْ أَجْرٌ كَرِيمٌ ﴿١٧﴾ صَدَقَ اللَّهُ الْعَظِيمِ

تفسير:

مسكوهن اورغ ٢ بع برصدقه لاكي ٢ دان فرموان سرت (ماهو) ميريكن فينجانم كقد الله سباكي فينجانم بع بايك (دغن مبلنجاكن هرتا قد جان الله) اكن دنكاراكن كنجارن كقد مريك دان مريك اكن براوله فهلا بع بايق.

كيت اومة اسلام دكالفكن اتوق برصدقه كران اي مروفانك ساله ساتو جارا اتوق ممتو كولوغن بع سوسه دان بع مملوكن بنتوان سقرت فقير مسكين دان ترماسوقله جوك أنق ٢ يتيم. صدقه بع دهولوركن بروقا واغ رعلكت اتو بارغ ٢ كقرلوان اساسي مريك، اي بوكن سهاج دافة مغورغنن دان مريغنن بين بهكن دافة مقميراكن دان ممهكياكن هاتي مريك. له ٢ لاكي ياكي أنق ٢ يتيم بع هيدوف سوسه دان تيدق مندافة فتحكان دان فراهاتين بع سواجرن. ايتله بع دمقصودكن سباكي تعلقان ( بنتو ممتو اتو تولوغ منولوغ ) بع دنتوت اوله اسلام. مسكوهن

# Kunjungan nostalgik ke IBTE Kampus Jefri Bolkih Kuala Belait



ALUMNI Bekas Pelajar Sekolah Kejuruteraan, Kuala Belait dalam sesi bergambar ramai semasa kunjungan nostalgik bekas pelajar ke IBTE Kampus Jefri Bolkih, Kuala Belait.

## Siaran Akhbar dan Foto : Alumni Bekas Pelajar Sekolah Kejuruteraan, Kuala Belait

**KUALA BELAIT**, 19 Januari. - Lebih 150 bekas pelajar Sekolah Kejuruteraan Kuala Belait 'Government Engineering Trade School' dan kemudian dikenali sebagai Sekolah Kejuruteraan Jefri Bolkih telah membuat kunjungan nostalgik bekas pelajar, ke IBTE Kampus Jefri Bolkih Kuala Belait. Turut hadir dalam kunjungan tersebut ialah bekas tenaga pengajar serta bekas pelajar-pelajar yang pernah belajar di sekolah berkenaan.

Majlis lawatan nostalgia tersebut diserikan dengan kehadiran bekas Pengetua JBSE / bekas guru bahasa Inggeris dan juga kehadiran wanita pertama sebagai wirawati yang berani memasuki Sekolah Kejuruteraan Kuala Belait seramai dua orang perempuan dalam

bidang Telecommunications Technician.

Rombongan lawatan ini terdiri daripada pelajar pengambilan pertama sehingga pengambilan pertama bekas pelajar tahun 80an, yang mana pengambilan pertama masa itu ialah pada tahun 1970 seramai 60 orang pelajar. Sekolah Kejuruteraan Jefri Bolkih Kuala Belait mula siap digunakan awal tahun 1970, kini telah mencapai umur ke-49 tahun yang mana tanpa disedari telah wujud lebih kurang hampir 50 tahun bagi menyambut Jubli Emas pada Tahun 2020.

Tujuan lawatan nostalgia tersebut adalah untuk mengenang kembali kisah-kisah susah senang yang pernah dilalui semasa zaman persekolahan, menimba ilmu

pengetahuan di bidang kejuruteraan, sama ada dalam waktu persekolahan atau di luar waktu persekolahan. Di samping itu, kunjungan ini juga bertujuan ingin melahirkan rasa muhibah dan silaturahim serta ukhuwah, khusus kepada Pengetua IBTE Satelit, IBTE Kampus Jefri Bolkih Kuala Belait dan warga IBTE Kampus amnya. Selain itu, kunjungan ini juga ingin melihat lebih dekat perkembangan perubahan dari sudut jenis kursus serta infrastruktur yang ada pada masa ini.

Di kesempatan itu juga rombongan bekas tenaga pengajar dan bekas pelajar memberikan sokongan sepenuhnya menjadikan institut yang dikenali sebagai IBTE Kampus Jefri Bolkih, Kuala Belait akan terus maju dan melahirkan graduan yang berpotensi merealisasikan kemajuan negara, terutama ketika

Negara Brunei menuju kepada Wawasan Brunei 2035.

Majlis dimulakan dengan bacaan Al-Fatihah beramai-ramai bagi memulakan majlis dan diteruskan dengan penerangan ciri-ciri keselamatan di persekitaran IBTE Kampus dan seterusnya ucapan alu-aluan daripada Pengetua IBTE Satelit, IBTE Kampus Jefri Bolkih Kuala Belait, Awang Norjemee bin Jenek, dan diikuti dengan ucapan balas daripada Mejar (B) Haji Murni bin Haji Mohd. Salleh, bekas pelajar Sekolah Kejuruteraan Kuala Belait / Pegawai Tentera bersama dengan menyelitkan tayangan klip video mengenai perjalanan pendidikan dan kerjaya beberapa rakan mereka, sebagai ristaan semula saat mereka bersekolah ketika itu.

Di samping itu, majlis diteruskan dengan penyampaian cenderahati kenangan daripada bekas pelajar

kejuruteraan Kuala Belait kepada Pengetua IBTE Satelit, IBTE Kampus Jefri Bolkih Kuala Belait dan diselajurkan dengan penyampaian sijil penghargaan di atas jasa dan sumbangan kepada mereka sebagai bekas tenaga pengajar dan acara seterusnya ialah sesi bergambar ramai.

Majlis disambung kembali dengan berinteraksi antara rombongan lawatan bekas pelajar bersama pelajar yang belajar di IBTE Kampus berkenaan selepas sesi bergambar selama setengah jam. Acara seterusnya ialah rombongan dibawa melawat ke empat buah jabatan iaitu Jabatan Marine, Jabatan Komputer, Jabatan Proses / Instrumentation dan Jabatan Elektrikal.

Setelah itu diikuti dengan Majlis Tahliil dan Doa bagi teman-teman yang sudah kembali ke rahmatullah.

## Kepelbagaian kegiatan pengakap amat penting



KETUA Pesuruhjaya Pengakap, Haji Awang Badar bin Haji Awang Ali bergambar ramai semasa perjumpaan tahunan antara para Pemimpin Pengakap Kelana dan Penolong Pemimpin Pengakap Kelana dari seluruh negara.

## Siaran Akhbar dan Foto : Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 19 Januari. - Perancangan teliti dalam menyusun

kepelbagaian kegiatan pengakap yang menarik amat penting dalam menentukan kejayaan sesebuah

organisasi.

Sehubungan itu, bagi merealisasikan perancangan kegiatan 2019, Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam (PPNBD) melalui Bahagian Kelana pada 18 Januari 2019 mengadakan perjumpaan

tahunan antara para Pemimpin Pengakap Kelana dan Penolong Pemimpin Pengakap Kelana dari seluruh negara dengan Ketua Pesuruhjaya Pengakap, Haji Awang Badar bin Haji Awang Ali di Bilik Persidangan, Bangunan Ibu Pejabat PPNBD, Jalan

Gadong.

Dalam perjumpaan itu, para peserta yang hadir diberikan penerangan mengenai kegiatan dan latihan yang bakal diadakan oleh Bahagian Pengakap Kelana yang menjuruskan Skim Latihan Pengakap Kelana, di samping itu mendengar permasalahan yang dihadapi oleh Pemimpin dan ahli dalam menjalankan aktiviti di dalam pasukan masing-masing.

Semasa perjumpaan khas itu, Haji Awang Badar mengalu-alukan kehadiran semua pemimpin dan penolong pemimpin pasukan Pengakap Kelana serta ahli-ahli Pengakap Kelana yang sentiasa komited dengan tanggungjawab dan amanah yang diberikan. Seterusnya beliau mengucapkan jutaan terima kasih diatas kejayaan penganjuran 1st ASEAN Rover Moot yang diadakan pada bulan Disember yang lepas.

Turut hadir dalam perjumpaan tahunan itu ialah Pesuruhjaya Perhubungan Awam, Muhammad Syahmi Halimshah; Pesuruhjaya Ibu Pejabat Bahagian Pengakap Kelana, Hajah Nor Rahmat binti Sidin; Hajah Noraini binti Haji Saidi; Pesuruhjaya Ibu Pejabat Bahagian Keagamaan, Muhammad Najib bin Abd Hamid dan Penolong-penolong pesuruhjaya Bahagian Pengakap Kelana dari keempat-empat daerah.

# Dua suspek ditahan terlibat kes curi

Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei



MOHAMMAD Arif bin Hj Mohd. Yasop, 30 tahun.



SANJ bin Awang Shahian, 26 tahun.

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 19 Januari. - Balai Polis Pusat, Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) telah berhasil membuat penahanan ke atas dua orang lelaki yang dipercayai terlibat dengan kegiatan curi yang berlaku di kawasan Gadong, Daerah Brunei Muara.

Tertuduh pertama, Mohammad Arif bin Haji Mohd. Yasop, 30 tahun dan tertuduh kedua, Sanj bin Awang Shahian, 26 tahun. Kedua-duanya adalah warganegara tempatan dan telah di berkas oleh anggota Special Duties Balai Polis Pusat di tempat kediaman masing-masing dan di bawa ke Balai Polis bagi siasatan lanjut.

Kedua-dua tertuduh telah dihadapkan ke Mahkamah Majistret, Bandar Seri Begawan pada 19 Januari 2019 atas tuduhan melakukan curi di bawah Seksyen 379 Kanun Hukuman Jenayah Penggal 22.

Pihak Mahkamah juga telah meluluskan permohonan bagi tertuduh di tahan reman sehingga 23 Januari 2019 bagi

membantu pihak polis menjalankan siasatan lanjut dipercayai adanya keterlibatan tertuduh dengan kes-kes lain.

## Akibat mencuri lelaki tempatan direman

Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 19 Januari. - Seorang lelaki tempatan dihadapkan ke Mahkamah Majistret, Bandar Seri Begawan pada 17 Januari 2019 atas kesalahan mencuri.

Tertuduh Mohamed Arif bin Norhamdi Shukri, 26 tahun telah ditahan oleh anggota Special Duties Balai Polis Sengkurong kerana dipercayai terlibat dengan kejadian curi yang dilaporkan berlaku di kawasan rumah kediaman di Kampung Sengkurong 'B', Daerah Brunei Muara.

Tertuduh didakwa atas kesalahan melakukan jenayah tersebut di kediaman berkenaan di bawah Seksyen 380 Kanun Hukuman Jenayah Penggal 22 dan Pihak Mahkamah telah mengarahkan tertuduh direman di Penjara Maraburong sehingga tarikh perbicaraan bagi sebutan kes seterusnya pada 28 Januari 2019.



TERTUDUH Mohamed Arif bin Norhamdi Shukri, 26 tahun, dipercayai terlibat dengan kejadian mencuri yang dilaporkan berlaku di kawasan rumah kediaman di Kampung Sengkurong 'B', Daerah Brunei Muara.

# Kemalangan ragut nyawa pemandu

Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei

**TUTONG**, Sabtu, 19 Januari. - Seorang lelaki tempatan maut di tempat kejadian selepas kenderaan yang dipandunya hilang kawalan di kawasan KM 22 Jalan Seria/Tutong menghala ke Tutong.

Balai Polis Tutong, Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) mengesahkan kemalangan tersebut melalui panggilan

kecemasan yang diterima pada 18 Januari 2019 sekitar jam 11:43 malam yang telah meragut nyawa Mohammad Syaffawie bin Ahmad, 27 tahun.

Hasil siasatan awal mendapati mangsa maut kerana mengalami kecederaan serius di bahagian kepala dan disahkan meninggal dunia di tempat kejadian.

PPDB ingin menyeru dan menegaskan kepada orang ramai agar sentiasa berwaspada dan mengikut had laju yang telah ditetapkan. Dalam pada itu, disarankan supaya semua pengguna-pengguna jalan raya untuk mengambil berat dan sentiasa menggunakan pemakaian tali pinggang keselamatan kerana ianya bertujuan untuk meningkatkan tahap keselamatan ketika memandu jika berlakunya kemalangan.



KENDERAAN yang dipandu oleh Mohammad Syaffawie bin Ahmad terbabas selepas hilang kawalan di kawasan KM 22 Jalan Seria/Tutong menghala ke Tutong.

## Pencuri kereta diberkas

Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei

**KUALA BELAIT**, Sabtu, 19 Januari. - Balai Polis Kuala Belait (KB), Pasukan Polis Diraja Brunei pada 17 Januari 2019 telah menerima satu laporan berkenaan kehilangan sebuah kereta jenis Toyota Corolla berwarna putih di kawasan letak kereta Masjid Kampung Pandan, Kuala Belait.

Hasil dari maklumat yang diterima, anggota Balai Polis KB telah menjalankan siasatan ke atas sebuah rumah kediaman di alamat No.7, Simpang 1273-23 Kampung Tanjung Bunut, Daerah Brunei Muara dan telah berjaya menemui semula kereta tersebut serta telah menahan seorang suspek lelaki dipercayai terlibat dengan kejadian berkenaan.

Suspek bernama Md. Mu'azin Azri bin Abdullah Mohaimin, 17 tahun, warganegara tempatan telah dihadapkan ke Mahkamah Majistret pada 19 Januari 2019 atas dakwaan curi di bawah Seksyen 379 Kanun Hukuman Jenayah Penggal 22.



SUSPEK Md. Mu'azin Azri bin Abdullah Mohaimin, 17 tahun telah dihadapkan ke Mahkamah Majistret pada 19 Januari 2019.

Tertuduh telah dilepaskan dengan jaminan mahkamah dan kes ini akan disebut semula pada 2 Februari 2019.

# 29 pain darah dikumpulkan



AHLI-AHLI Poni Divers menganjurkan Kempen Derma Darah sebagai acara terakhir Minggu Community Outreach mereka yang berlangsung di Kompleks Sukan Air, Serasa.

## Siaran Akhbar dan Foto : Poni Divers

SERASA, Sabtu, 19 Januari. - Poni Divers mengadakan acara terakhir untuk Minggu Community Outreach mereka dengan menganjurkan Kempen Derma Darah di Kompleks Sukan Air Serasa.

Ia merupakan kali pertama Poni Divers menganjurkan Kempen Derma Darah dengan mengalu-alukan orang ramai dan organisasi dari seluruh kawasan Muara dan Serasa untuk menderma darah.

Sebanyak 29 pain darah berjaya dikumpulkan daripada para penderma yang terdiri daripada para pegawai dan kakitangan Jabatan Belia dan Sukan, Muara Port Company, Jabatan Elektrik, Coffee Bean & Tea Leaf termasuk orang awam dan pelancong dan staf Poni Divers termasuk kedua-dua pengarah iaitu Pengarah Urusan, Mohd. Tahsin Wong bin Abdullah dan Pengarah Pembangunan Perniagaan, Anna Aziz.

Kempen derma darah itu adalah satu lagi peluang untuk Poni Divers untuk berbakti kepada masyarakat.

Satu pain darah boleh menyelamatkan sebanyak tiga nyawa dan kepekatan darah

dikenali sebagai faktor untuk risiko penyakit kardiovaskular. Awda boleh mengurangkan kepekatan darah awda dengan menderma darah secara tetap, yang menghilangkan zat besi yang mungkin mengoksida darah awda.

Bagi kebanyakan penderma, menderma darah adalah yang pertama kali, sementara bagi satu penderma telah menyumbangkan lebih dari 100 kali.

Seorang pelancong dari Belgium, Amel Labadi yang mengembara di Brunei dengan rakannya turut menyumbangkan, selepas berkayak di Pantai Serasa dengan Poni Divers.

Dia berkata, "Saya telah menderma di Belgium sebelum ini, jadi saya fikir mengapa tidak". Prosedur ini hanya memerlukan masa 20 minit dan menuai banyak faedah.

Bercakap mengenai aktiviti tanggungjawab sosial korporat Poni Divers, Mohd. Tahsin Wong berkata, "Poni Divers berharap dapat menyebarkan berita bahawa syarikat boleh menganjurkan Minggu Community Outreach mereka sendiri dan menjalankan aktiviti mereka sendiri yang sesuai dalam perniagaan dan visi mereka.

Jika banyak syarikat yang melabur dalam ini dan melihat potensi kesannya boleh bertambah, mencapai masyarakat yang lebih meluas. Kami akan terus menganjurkan acara ini setiap tahun."

Bulan ini, Poni Divers juga akan membantu dengan keselamatan acara akan datang di Surf Fest yang menyediakan keselamatan pantai untuk pertandingan melayari di Pantai Tungku pada 27 Januari 2019.

Sebagai sebahagian daripada Minggu Outreach Community, Poni Divers menaja sekumpulan anak-anak yatim untuk sukan air dan BBQ di Pantai Serasa, yang menjadi tuan rumah Pantai Bersih di Pantai Serasa dengan Universiti Brunei Darussalam, dan menganjurkan acara pembersihan umum di Rumah Orang Tua Setia dengan Muzik Ekspresi.

Untuk pembersihan pantai secara teratur, pembersihan *ghostnet*, ceramah sekolah, menaja snorkeling dan bengkel konservasi marin untuk kumpulan sekolah awam, dan menjalankan program penyebaran karang dengan sukarelawan dan sekolah, atau untuk melibatkan diri dalam Minggu Outreach Community atau menjadi sukarelawan di mana-mana acara Poni Divers sila hubungi Shasha pada +673 719 9322.



SALAH seorang ahli Poni Divers menderma darah.

# PUISI

## Terma dan Syarat :

1. Penyertaan dibuka kepada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Puisi awda hendaklah ditulis jarak langkau satu baris dan panjang tidak melebihi satu setengah muka surat A4.
3. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap, dan nombor telefon mesti disertakan dan dihantar kepada :

**Sidang Pengarang, Ruang Pusi**  
**Bahagian Pelita Brunei**

Lapangan Terbang Lama, Berakas  
Bandar Seri Begawan, BB3510  
Negara Brunei Darussalam atau melalui e-mel :  
[pelita.brunei@information.gov.bn](mailto:pelita.brunei@information.gov.bn)

## RAHMAT NEGARA ZIKIR

Sejarah menyimpan cerita dalam musim yang panjang dengan nikmat rahmat dikecapi segala di bumi Darussalam yang damai dipayungi kepemimpinan mantap.

Kepimpinan nan selembut sutera gagasan sesejuk puputan bayu langkah semanis senyuman bidadari berkembang seceria mentari memancar sawah dan ladang sejuk tanah menunjang di bumi hijau.

Namun bumi ini dipijak ia rela menerima beban tak terasa titisan air mata di pipi bagai anak digindung ibu.

Laut menari dengan gelombang lalu terhenti badai menyapu memberi kedamaian dan kemakmuran negara Darussalam yang berkat rahmat bertambah kepemimpinan yang direda.

Ceria bulan mengembang melihat bintang berarak bila awan gelap beralih cerah bercahaya mutiara di lumpur sambil berdoa Darussalam bersyukur dalam keyakinan penuh membuka tabir impian wawasan.

Lima dekad sudah digapai kepemimpinan agung tiada mudah yang unggul jasa tiada berubah mawangi bagai mutiara bibit Darussalam seluruh jagat bersinar tetap bersinar sejahteranya mengisi cinta dan rasa.

Kepimpinan megahadapi cabaran segala bukit didaki lembah dituruni badai gelombang ditempuhi bahtera dilayar jua segala halangan diatasi kemahuan Darussalam dipenuhi

demu mencapai cita murni. Numersi suatu kewajipan bersama literasi megah berdiri sendiri membina ilmu memuncak awan

dengan akidah dan akhlak wadah keimanan suatu kemestian.

Ukuran neraca dan pertimbangan jadi landasan keadilan sempurna untuk laluan keutuhan hukum hudud sejak dahulu lagi berpandu perundangan Al-Quran sebagai penunjang kemakmuran.

Kemahiran tinggi berbagai jua untuk menuju jalan kemajuan suatu harapan dan wawasan menerusi kejuruteraan demu pembangunan.

Kini gaya hidup berkualiti suatu impian bersama riadah berpanjangan untuk sihat cergas dan produktif segala dapat dinikmati. Ekonomi mewarnai segala produk negara mesti dijulang pelaburan mega diperkasa yang kecil sama berjuang agar semua sama merasa.

Laluan merentas panjang bandar dan desa berdudun mesra dengan lebuhraya menyerah diri mudah segala udara dan laut berirama sama menari.

Kini jambatan merentas teluk sungai tersenyum beriak tenang prasarana merayap bersalaman bak cendawan bertaburan di hutan pertanda sejuk dimusim hujan.

Kini jasa sejarah mengenang apa jua ristaan berulang semua musim yang terbilang mengucap syukur sujud yang syahdu nikmat rahmat makmur dirasa berkat terus mengilap Negara Zikir.

## AKAN HILANGKAH KEINDAHAN?

Dalam taman kita berdua, kau bunga aku tangkainya Ketika kelopak hendak menutup, ada kasih sayang yang enggan terkulai kerana ada masih hembusan wangi yang menyucikan hati dari dendam dan benci.

Gema lagu rimba dan suara haiwan sayup di malam ini beryanyi sedih kerana diam-diam mereka merobek hatinya aku hanya terpaku terpedaya kini keindahanmu menghilang.

Aku melihat langit penuh awan hitam pertanda datangnya kehancuran bersama senja akan kehilangan dia bersama malam bersama sendu aku kehilangan keindahan merindu rimba yang gersang yang kini diam.

Oleh: Pasir Putih  
Telisai

KAJI SELIDIK  
PEMBAACAAN  
PELITA BRUNEI



IMBAS KOD QR  
UNTUK MENYERTAI  
KAJI SELIDIK



Generasi peneraju masa depan negara

# Terus lakar kejayaan dalam seni lukis



HUIFONG Ng telah menghasilkan hampir 60 buah lukisan dan karya-karya beliau terkenal di luar negara dengan lukisan potret tokoh-tokoh terkemuka.

**M**ESKIPUN diuji dengan pelbagai cabaran, Belia Berwawasan ini tidak berputus asa untuk terus berusaha melakar kejayaan dan menepis persepsi masyarakat terhadap kemampuannya.

Beliau akui mendalami bidang seni lukis di negara ini bukanlah mudah namun beliau jadikan persepsi itu sebagai pendorong dan rangsangan kepada beliau untuk terus menceburi bidang tersebut secara serius.

Huihong Ng, 37 tahun dilahirkan di Kuala Belait merupakan seorang pelukis potret sepenuh masa dan juga pengasas Atelier Huihong Ng iaitu pusat bimbingan lukisan fine art bagi kanak-kanak berumur 4 hingga 16 tahun.

Beliau terkenal di luar negara dengan karya potret seperti potret bapa pengasas Singapura, Lee Kuan Yew; Perdana Menteri Singapura, Lee Hsien Loong; Mantan Presiden Singapura, Tony Tan dan isteri, Mary Tan; Presiden Singapura, Halimah Yacob dan suami, Mohammed bin Abdullah Alhabshee dan Perdana Menteri Malaysia, Tun Dr. Mahathir bin Mohamad serta isteri, Tun Dr. Siti Hasmah binti Haji Mohamad Ali.

Beliau juga pernah mengadakan pameran solo yang bertajuk 'Art and Emotion' di Singapura pada tahun 2014 dan pernah dijemput untuk mengambil bahagian dalam pameran seni antarabangsa yang diadakan di Itali, China dan

Emiriah Arab Bersatu.

Huihong Ng juga menerima Special Award dari Biennale of Umbria, Itali pada tahun 2015 dan International Prize of Colosseo, Itali pada tahun yang berikut.

Beliau pernah mengambil jurusan seni lukis secara intensif dalam bidang potret di Amerika Syarikat, Perancis serta belajar sculpting di Itali. Kini beliau sudah menghasilkan lebih kurang 60 buah lukisan.

Yang terkini, 13 buah lukisan Huihong Ng dipamerkan pada Pameran Lukisan Solo 'Raja Julangan Kasih Rakyat' di Galeri Seni, Dermaga Diraja di Bandar Seri Begawan yang dianjurkan oleh Atelier Huihong Ng dan ditaja oleh Asia Euro-Tech Sdn. Bhd. dengan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan dan kerjasama Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Meskipun di awal penglibatan beliau dalam bidang seni lukis dipandang rendah oleh segelintir masyarakat namun beliau berjaya membuktikan kebolehan beliau apabila beliau diberikan amanat (*arts commission*) oleh Pengerusi Sian Chay Medical Institution di Singapura untuk melukis potret Perdana Menteri Singapura Tuan Lee Hsien Loong sempena

kemenangan pilihan raya tahun 2015.

Bukan itu saja, salah satu lukisan beliau telah menjana kutipan lelong (*auction*) sebanyak S\$60,000 dan kutipan tersebut telah didermakan kepada tabung EtonHouse Community Fund di Singapura pada tahun 2015.

Mengenai perancangan di masa depan, beliau mahu menghasilkan lebih banyak karya lukisan dan terus mempelajari bidang seni lukis di pasaran-pasaran besar seperti di China dan Singapura.

Beliau juga berharap agar pelukis-pelukis di Negara Brunei Darussalam diberi peluang untuk memajukan seni lukisan mereka serta menerokai pasaran serantau dan global.

Bukan itu saja, beliau berharap agar Atelier Huihong Ng akan terus melahirkan pelukis-pelukis tempatan yang berpotensi dan berkaliiber serta dapat bersaing menandingi pelukis-pelukis terkemuka serantau dan antarabangsa.

Oleh : Nur Amalia Alisha Daud

Foto : Ihsan Huihong Ng



ANTARA kenangan manis yang tidak dapat beliau lupakan ialah ketika beliau menerima anugerah dan pengiktirafan dari Itali.



BELIAU juga mahu menghasilkan lebih banyak karya lukisan dan terus mempelajari bidang seni lukis di pasaran-pasaran besar seperti di China dan Singapura.



**IKLAN JAWATAN KOSONG DALAM PERKHIDMATAN AWAM**

MAKLUMAT LANJUT MENGENAI DENGAN SYARAT-SYARAT KELAYAKAN SERTA HURAIAN TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB BAGI JAWATAN-JAWATAN KOSONG SILA LAYARI [www.recruitment.gov.bn](http://www.recruitment.gov.bn)

**PERATURAN 7(A)**

BILANGAN IKLAN 04/01/19 (SPA/BIKL)

Dibukakan kepada orang ramai dan pegawai-pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.

**TARIKH IKLAN: 21 JANUARI 2019**

**TARIKH TUTUP: 04 FEBRUARI 2019**

<p><b>1. PEGAWAI BAHASA B.2 EB.3 / B.2</b> BAHAGIAN II DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN <b>KEKOSONGAN = SATU (01)</b></p>	<p><b>2. PEGAWAI KEMAJUAN PERUMAHAN KANAN B.2 EB.3</b> BAHAGIAN II JABATAN KEMAJUAN PERUMAHAN KEMENTERIAN PEMBANGUNAN <b>KEKOSONGAN = DUA (02)</b></p>
<p><b>3. KERANI/JURUBAHASA D.3 EB.4-5</b> BAHAGIAN IV JABATAN KEHAKIMAN NEGARA JABATAN PERDANA MENTERI <b>KEKOSONGAN = SATU (01)</b></p>	<p><b>4. PEGAWAI PENDAFTARAN KEBANGSAAN KANAN C.1-2 EB.3</b> BAHAGIAN III JABATAN IMIGRESEN DAN PENDAFTARAN KEBANGSAAN KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI <b>KEKOSONGAN = SATU (01)</b></p>

**UNTUK MENGETAHUI MENGENAI:**  
Syarat-Syarat Am, Tatacara Permohonan dan juga lain-lain maklumat sila kunjungi ruangan *Announcement* di [www.recruitment.gov.bn](http://www.recruitment.gov.bn)

**HELPLINE:**  
**TALIAN DARUSSALAM 123**



**JABATAN HAL EHWAL MASJID  
KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA**

**SYARAT-SYARAT PANDUAN DAN  
MAKLUMAT TAWARAN SEBUT HARGA**

**TARIKH TUTUP TAWARAN :**

**Rabu, 6 Februari 2019  
Jam : 2.00 Petang**

SYARAT-syarat untuk mengikuti tawaran kerja sebut harga adalah seperti berikut :

1. TAWARAN hanyalah dipelawa kepada syarikat-syarikat / pemborong-pemborong yang berdaftar dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. .

2. Tawaran-tawaran mestilah dibuat di atas borang-borang tawaran yang tercetak oleh Kementerian ini dan borang tersebut bolehlah diambil di **Tingkat 1, Bahagian Idarah (Pentadbiran), Jabatan Hal Ehwal Masjid, Simpang 15, Jalan Sumbiling, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.**

3. Borang-borang tawaran sebut harga hendaklah diisi dengan lengkap dan dihantar / dimasukkan ke alamat di bawah ini dengan menyertakan salinan Sijil Pendaftaran 16 dan 17 dan sijil Pendaftaran Kontraktor dan Pembekal dan memasukkannya ke dalam sampul surat yang bertutup (*sealed envelope*) dengan menulis pada bahagian depan sampul surat dengan

jelas tanpa membubuh sebarang pengenalan atau identiti pemborong atau syarikat seperti berikut :

Kepada :  
**Pengerusi Jawatankuasa Sebut Harga  
Peti Sebut Harga Kementerian Hal Ehwal Ugama  
Tingkat 1, Bahagian Kewangan  
Kementerian Hal Ehwal Ugama  
Jalan Menteri Besar  
Negara Brunei Darussalam.**

Bilangan Sebut Harga :  
JHEM / R / SBH / 01 / 01 / 19

Tajuk Sebut Harga :  
**MEMBEKAL DAN MEMASANG KOTAK TABUNG KHAS (SAFETY BOX) TABUNG DANA BAGI PEMBINAAN MASJID, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**Tarikh Tutup :  
Rabu, 6 Februari 2019  
jam 2.00 Petang**

Para penender adalah disaran untuk mendapatkan syarat dan maklumat penuh di tempat mengambil borang tawaran.



**KEMENTERIAN PERTAHANAN**

**TAWARAN NO. 1 :**  
**MINDEF / DFA / RC / 02 (9)**  
**THE MAINTENANCE, INSPECTION, SUPPLY AND DELIVERY OF FIRE EXTINGUISHERS FOR THE ROYAL BRUNEI FORCES**  
**- FIVE (5) YEARS CONTRACT**

**BAYARAN TAWARAN :**  
**BND100.00 - TENDER FEE**  
**(tidak dikembalikan)**

**TAWARAN NO. 2 :**  
**MINDEF / DFA / RC / 259 (1)**  
**SUPPLY & SERVICES FOR DISPOSAL OF OILY WASTES AND WASTE WATER FROM NAVAL VESSELS AND WORKSHOPS OF THE ROYAL BRUNEI NAVY (RBN)**  
**- THREE (3) YEARS CONTRACT**

**BAYARAN TAWARAN :**  
**BND30.00 - TENDER FEE**  
**(tidak dikembalikan)**

**NOTA :**  
**- Information day bersama pembekal akan dimaklumkan kemudian.**

**TAWARAN NO. 3 :**  
**MINDEF / DFA / RC / 164 (4)**  
**THE SUPPLY OF PAINTS AND ACCESSORIES FOR THE ROYAL BRUNEI LAND FORCE**  
**- THREE (3) YEARS CONTRACT**

**BAYARAN TAWARAN :**  
**BND30.00 - TENDER FEE**  
**(tidak dikembalikan)**

**TARIKH MULA MENGAMBIL  
DOKUMEN TAWARAN :**  
**21 JANUARI 2019**

**TARIKH TUTUP TAWARAN :**  
**SELASA, 19 FEBRUARI 2019**  
**(jam 2.00 Petang)**

**SYARAT SYARAT TAWARAN :**

a. TAWARAN-TAWARAN hendaklah dimasukkan ke Peti Tawaran, Lembaga Tawaran Kecil, Bangunan Arkib, Aras Bawah, Kementerian Pertahanan, Bolkiah Garison, BB3510, Negara Brunei Darussalam, **tidak lewat pada tarikh-tarikh dan waktu seperti yang dinyatakan di atas.**

Dokumen-dokumen tawaran bolehlah diperoleh dari Bangunan Arkib, Aras Bawah, Kementerian Pertahanan, Bolkiah Garison semasa hari-hari bekerja (Isnin dan Rabu) bermula seperti tarikh-tarikh yang dinyatakan di atas.

b. Bayaran yuran tawaran (*tender fee*) hendaklah dibayar di Unit Kaunter, Bahagian Kewangan, Bangunan Arkib, Aras Bawah, Kementerian Pertahanan, Bolkiah Garison, BB3510, Negara Brunei Darussalam.

**Waktu bagi menerima bayaran dan mendapatkan borang tawaran :**  
**Isnin dan Rabu**  
**8.00 Pagi hingga 11.30 Pagi**  
**2.00 Petang hingga 3.00 Petang**

c. Pembekal adalah dikehendaki membayar yuran dokumen dan bayaran tawaran bagi semua tawaran seperti yang diiklankan. Yuran tawaran adalah dikehendaki dan tidak akan dikembalikan kepada setiap pemborong sama ada yang berjaya atau yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang jujur (*bona-fide-tender*). Kadar yuran tawaran adalah seperti yang ditetapkan dalam iklan tawaran.

d. Kerajaan tidak terikat untuk menerima sebarang tawaran yang paling rendah.

e. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang telah ditetapkan adalah dikira sebagai tawaran tidak jujur (*non-bona-fide-tender*) dan tidak akan dilayan.

Para penender yang berhasrat untuk menyertai tawaran ini adalah disarankan untuk mendapatkan maklumat dan syarat penuh di tempat mengambil dokumen tawaran. Iklan-iklan tawaran, maklumat lanjut dan syarat lainnya juga boleh dilihat melalui laman sesawang : <http://www.mindef.gov.bn>



**BIRO MENEGAH RASUAH  
JABATAN PERDANA MENTERI**

(1)  
**BILANGAN TAWARAN :**  
BMR / SH / 01 / 2019 / 2020

**TAJUK TAWARAN :**  
**TAWARAN PEMELIHARAAN  
LANDSKAP DAN PEMOTONGAN  
RUMPUT KAWASAN IBU PEJABAT  
DAN BANGUNAN BARU.**

**BIRO MENEGAH RASUAH (BMR)  
LAPANGAN TERBANG LAMA  
BERAKAS  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM  
BIL : BMR / SH / 01 / 2019 / 2020**

(2)  
**BILANGAN TAWARAN :**  
BMR / SH / 02 / 2019 / 2020

**TAJUK TAWARAN :**  
**TAWARAN PEMELIHARAAN  
LANDSKAP DAN PEMOTONGAN  
RUMPUT KAWASAN CAWANGAN  
BIRO MENEGAH RASUAH (BMR)  
KUALA BELAIT TERMASUK  
KAWASAN PERUMAHAN.**

**NO. 3, JALAN SUNGAI PANDAN  
KUALA BELAIT  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM  
BIL : BMR / SH / 02 / 2019 / 2020**

**Syarat-Syarat Tawaran :**

1. TAWARAN adalah dipelawa kepada syarikat-syarikat yang berkelayakan serta mempunyai Sijil Pendaftaran Akta Nama-Nama Perniagaan (*Certificate of Registration Business Names Act*) yang sah.
2. Syarikat yang berhasrat untuk mengikut tawaran ini dikenakan bayaran bagi setiap pengambilan satu (1) Borang Tawaran atau

Dokumen Tawaran sebanyak **BND10.00** (Sepuluh Ringgit Sahaja) dan hendaklah membuat pembayaran di Bahagian Kewangan, Biro Mencegah Rasuah pada waktu-waktu bekerja biasa dan Salinan resit hendaklah disertakan semasa menghantar tawaran. Wang borang tawaran atau dokumen tawaran tidak akan dikembalikan dan akan menjadi hak milik kerajaan.

3. Tawaran hendaklah dihadapkan dalam sampul surat yang tertutup rapi (*sealed*) dengan menyatakan tajuk dan bilangan tawaran tanpa menunjukkan identiti penawar.

4. Tawaran tersebut hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran Kepada alamat seperti berikut :

**Ibu Pejabat Biro Mencegah Rasuah  
Bangunan Lama, Lapangan Terbang  
Lama Berakas, Bandar Seri Begawan  
Negara Brunei Darussalam, BB3510.**  
Tidak lewat dari jam **2.00 petang, Rabu, 6 Februari 2019.**

5. Tawaran yang diterima lewat dari tarikh masa yang telah ditetapkan tidak akan dilayan.

6. Syarikat-Syarikat yang berhajat boleh mendapatkan keterangan-keterangan lanjut berhubung dengan tawaran berkenaan di Bahagian Kewangan, Jabatan Biro Mencegah Rasuah, Lapangan Terbang Lama Berakas, Negara Brunei Darussalam pada waktu bekerja biasa.

7. Tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang yang telah disediakan.

8. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran sama ada yang rendah atau lain-lain tawaran.



**MAHKAMAH RENDAH SYARIAH DAERAH TUTONG**

**PERINTAH ACARA MAL  
MAHKAMAH-MAHKAMAH  
SYARIAH, 2005**

**SAMAN GANTIAN**

**DALAM MAHKAMAH RENDAH  
SYARIAH DAERAH TUTONG  
NEGARA BRUNEI  
DARUSSALAM**

**Kes Mal Bilangan :  
TT / MRS / MAL - B / S010A /  
118 / 11 - 2018**

**ANTARA  
NUR AMALINA BINTI ISMAIL  
- Plaintiff**

**DAN**

**MOHAMMAD SOFIAN  
BIN ZAINAL ABIDIN  
- Defendan**

**TUNTUTAN :  
PEMBUBARAN PERKAHWINAN  
SECARA FASAKH**

**KEPADA MOHAMMAD SOFIAN  
BIN ZAINAL ABIDIN (DEFENDAN  
yang dinamakan di atas) alamat terakhir  
TIDAK DIKETAHUL.**

Kamu adalah dengan ini disaman supaya hadir secara sendiri atau melalui Peguam Syari'e kamu di hadapan

**MAHKAMAH RENDAH SYARIAH  
DAERAH TUTONG** pada **SABTU, 27 JAMADILAWAL 1440H / 2 FEBRUARI 2019M, jam 8.30 PAGI** untuk menjawab tuntutan terhadap kamu oleh **PLAINTIF** yang dinamakan di atas, yang mana butir-butir dalam **TUNTUTAN** itu seperti dinyatakan dalam **PENYATAAN TUNTUTAN** yang diendoskan.

**Sila ambil perhatian** bahawa jika kamu ingkar hadir di mahkamah pada hari dan masa yang ditetapkan, mahkamah boleh meneruskan untuk mendengar dan memutuskan kes tanpa kehadiran kamu.

Dan **sila ambil perhatian** bahawa jika kamu ingin membela diri terhadap tuntutan tersebut, kamu hendaklah memfailkan di mahkamah ini dan menyampaikan kepada **PLAINTIF** suatu pembelaan dalam borang yang ditetapkan sebelum tarikh yang disebutkan di atas atau hadir di mahkamah pada tarikh itu.

Bertarikh pada : 9 Jamadilawal 1440H / 15 Januari 2019M.

**METERAI  
HAKIM SYAR'IE  
Mahkamah Rendah Syariah  
Daerah Tutong  
Negara Brunei Darussalam.**



**JABATAN DAERAH TEMBURONG  
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI**

**BILANGAN SEBUT HARGA :**  
JDT / S / 01 / 2019

**NAMA SEBUT HARGA : KERJA-KERJA PEMOTONGAN RUMPUT BAGI  
KAWASAN PEKAN BANGAR YANG DI BAWAH PEMELIHARAAN  
JABATAN DAERAH TEMBURONG BAGI TEMPOH DUA (2) TAHUN  
(2019 - 2021)**

1. SEBUT HARGA adalah dibukakan kepada syarikat / pemborong yang berdaftar dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

2. Syarikat / pemborong yang menyertai sebut harga ini hendaklah menyertakan salinan-salinan sijil / dokumen seperti berikut :

a) Sijil Pendaftaran Akta Nama-Nama Perniagaan (*Certificate Of Registration - Business Name Act*) Bab 16 & 17 atau FORM X atau KOPERASI.

3. Sebut harga hendaklah dihadapkan dengan menggunakan borang sebut harga yang telah disediakan.

4. Sebut Harga hendaklah dihantar dalam sampul surat yang tertutup rapi (*sealed*) tanpa menunjukkan identiti pengirim (syarikat / pemborong). Di sampul surat tersebut hendaklah ditulis perkataan **Bilangan Sebut Harga, Tajuk Sebut Harga dan tarikh tutup sebut harga** dan sebut harga tersebut hendaklah dialamatkan kepada :

**PENGERUSI  
JAWATANKUASA SEBUT HARGA  
JABATAN DAERAH TEMBURONG  
PEKAN BANGAR PA1351  
DAERAH TEMBURONG  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

5. Tarikh tutup menghantar sebut harga ialah pada **Sabtu, 27 Jamadilawal 1440H bersamaan 9 Februari 2019, jam 2.00 Petang**. Sebut Harga yang lewat diterima daripada tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.

6. Dokumen, borang sebut harga dan keterangan lanjut mengenai sebut harga ini bolehlah diperolehi pada bila-bila masa waktu bekerja dari :

**Bahagian Kemajuan dan Pembangunan Daerah  
Tingkat 1, Pejabat Daerah Temburong  
Pekan Bangar, Daerah Temburong.**



**JABATAN BANDARAN  
BANDAR SERI BEGAWAN  
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI**

**BILANGAN RUJUKAN :**  
JBBSB / SH / 2018-2019 / 34 / Mtech

**TAJUK SEBUT HARGA :  
TO SUPPLY, INSTALLATION AND  
DELIVERY OF COMPUTERS  
AND SOFTWARES FOR UNIT  
TEKNOLOGI MAKLUMAT,  
JABATAN BANDARAN  
BANDAR SERI BEGAWAN**

**HARI, TARIKH DAN JAM TUTUP :  
KHAMIS, 24 JANUARI 2019  
JAM 2.00 PETANG**

**KETERANGAN LANJUT BOLEH  
DIPEROLEH DARI :  
UNIT TEKNOLOGI MAKLUMAT,  
JABATAN BANDARAN  
BANDAR SERI BEGAWAN  
TINGKAT 6,  
BANGUNAN PUSAT KOMERSIAL  
& PERDAGANGAN BUMIPUTERA  
JALAN CATOR  
BANDAR SERI BEGAWAN**

1. SEBUT HARGA adalah dipelawa daripada syarikat-syarikat dan pembekal-pembekal yang berdaftar di Negara Brunei Darussalam menurut Seksyen 16 dan 17 dari akta Nama-nama Perniagaan (*Bussiness Names Act*).

2. Dokumen sebut harga dikenakan bayaran / caj sebanyak **BND2.00** (Dua Ringgit Brunei) bagi pendaftaran dan **BND10.00** (Sepuluh Ringgit Brunei) bagi yuran pentadbiran dan pembayaran hanya boleh dibuat di **Kaunter Pembayaran, Tingkat 3,**

**Bangunan Jabatan Bandaran Bandar Seri Begawan, Jalan Perdana Menteri.** Tarikh terakhir bagi mendapatkan dokumen sebut harga berkenaan ialah pada **Rabu, 23 Januari 2019, jam 2.00 Petang** di **Kaunter Unit Teknologi Maklumat, Tingkat 6, Bangunan Pusat Komersial & Perdagangan Bumiputra, Jalan Cator, Bandar Seri Begawan.**

3. Sebut Harga dan salinan sijil pendaftaran perniagaan di bawah Seksyen 16 dan 17 yang disebutkan di atas hendaklah dihadapkan dalam sampul surat tertutup dengan menulis di sebelah luarnya bilangan rujukan serta tarikh tutup sahaja tanpa menunjukkan sebarang identiti pengirim atau tajuk sebut harga kepada :

**PENGERUSI JAWATANKUASA  
MENELITI TAWARAN  
DAN SEBUT HARGA  
JABATAN BANDARAN  
BANDAR SERI BEGAWAN**

4. Sampul surat berkenaan hendaklah dimasukkan ke :

**PETI TAWARAN SEBUT HARGA  
TINGKAT 3  
BANGUNAN JABATAN BANDARAN  
BANDAR SERI BEGAWAN  
JALAN PERDANA MENTERI BA1512  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Para penender yang berhasrat untuk ikut serta dalam tawaran ini adalah disaran untuk mendapatkan maklumat, penerangan dan syarat penuh di tempat mengambil dokumen tawaran.



JABATAN KERJA RAYA  
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

DIBUKAKAN KEPADA PEMBORONG-PEMBORONG BERDAFTAR DENGAN KEMENTERIAN PEMBANGUNAN DI DALAM KELAS : IV (III, IV & V) SAHAJA KATEGORI : [KA01 SAHAJA] - (KOD BAHARU)

TARIKH AKHIR MENGAMBIL DOKUMEN TAWARAN PADA : 9 FEBRUARI 2019 (SABTU)

TARIKH TUTUP TAWARAN PADA : 19 FEBRUARI 2019 (SELASA), JAM 2.00 PETANG

BILANGAN : JKR / DDS 002 / 2019 - (SEW).T.IV

NAMA PROJEK : KERJA-KERJA MENAIK TARAF SISTEM TELEMETRI DI BAHAGIAN PEMBENTUNGAN, JKR

YURAN TAWARAN : BND100.00 (TIDAK DIKEMBALIKAN)

YURAN E -DOKUMEN : N/A

Syarat-Syarat Tawaran :

Dokumen-dokumen tawaran dan syarat-syarat bolehlah dilihat dan diperoleh dari Unit Pembahagian Dokumen, Tingkat Bawah, Ibu Pejabat Jabatan Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.



JABATAN KERJA RAYA  
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

DIBUKAKAN KEPADA PEMBORONG-PEMBORONG YANG BERKELAYAKAN DAN BERDAFTAR DENGAN KEMENTERIAN PEMBANGUNAN DI DALAM KELAS : II (II & III) SAHAJA KATEGORI : [KA01 & M03 SAHAJA] - (KOD BAHARU)

TARIKH AKHIR MENGAMBIL DOKUMEN TAWARAN PADA : 26 JANUARI 2019 (SABTU)

TARIKH TUTUP TAWARAN PADA : 12 FEBRUARI 2019 (SELASA), JAM 2.00 PETANG

BILANGAN : JKR / DDS 001 / 2019 - (SEW).T.II

NAMA PROJEK : KONTRAK BERMUSIM DUA (2)

TAHUN 'INTEGRATED' BAGI KERJA-KERJA RANCANGAN PENCEGAHAN DAN PEMBAIKAN STESEN PENGEPAM PEMBENTUNGAN DI KAWASAN TADAHAN MUARA, TANAH JAMBU, MERAGANG, LAMBAK KIRI DAN BERAKAS KEM (2018-2020)

YURAN TAWARAN : BND30.00 (TIDAK DIKEMBALIKAN)

YURAN E -DOKUMEN : N/A

Syarat-Syarat Tawaran :

Dokumen-dokumen tawaran dan syarat-syarat bolehlah dilihat dan diperoleh dari Unit Pembahagian Dokumen, Tingkat Bawah, Ibu Pejabat Jabatan Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.



JABATAN KERJA RAYA  
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

DIBUKAKAN KEPADA PEMBORONG-PEMBORONG BERDAFTAR DENGAN KEMENTERIAN PEMBANGUNAN DI DALAM KELAS : IV & V SAHAJA KATEGORI : KA01 SAHAJA - KOD BAHARU

TARIKH AKHIR MENGAMBIL DOKUMEN TAWARAN PADA : 29 JANUARI 2019 (SELASA)

TARIKH TUTUP : 12 FEBRUARI 2019 (SELASA) JAM 2.00 PETANG

BILANGAN : JKR / DTS / 40 / BKTCS / 2018 - T / IV  
NAMA PROJEK : KERJA-KERJA MEMBAIK PULIH TANAH SUSUR DI TANGKI AIR KG. BIRAU, TUTONG  
NO. PROJEK : (617 / 18) JKR / BKTCS / TUT 1189

YURAN TAWARAN : BND100.00 (TIDAK DIKEMBALIKAN)

YURAN E -DOKUMEN : -

DIBUKAKAN KEPADA PEMBORONG-PEMBORONG YANG BERDAFTAR DENGAN KEMENTERIAN PEMBANGUNAN DI DALAM KELAS : III, IV & V SAHAJA KATEGORI : B01 SAHAJA - KOD BAHARU

TARIKH AKHIR MENGAMBIL DOKUMEN TAWARAN PADA : 29 JANUARI 2019 (SELASA)

TARIKH TUTUP : 12 FEBRUARI 2019 (SELASA) JAM 2.00 PETANG

BILANGAN TAWARAN : JKR / DTS / 04 / CQS / 2019 - T / IV  
NAMA PROJEK : REROOFING WORKS TO BLOCK A SMJA SCHOOL  
NO. PROJEK : JKR / DTS / MISC / 52 / 2018

YURAN TAWARAN : BND100.00 (TIDAK DIKEMBALIKAN)

YURAN E -DOKUMEN : -

DIBUKAKAN KEPADA PEMBORONG-PEMBORONG YANG BERDAFTAR DENGAN KEMENTERIAN PEMBANGUNAN DI DALAM KELAS : III, IV & V SAHAJA

KATEGORI : KA01 SAHAJA - KOD BAHARU

TARIKH AKHIR MENGAMBIL DOKUMEN TAWARAN PADA : 29 JANUARI 2019 (SELASA)

TARIKH TUTUP : 12 FEBRUARI 2019 (SELASA) JAM 2.00 PETANG

BILANGAN TAWARAN : JKR / DTS / 42 / BKTCS / 2018 - T / IV  
NAMA PROJEK : KERJA-KERJA MEMBAIK PULIH TANAH SUSUR DI NO. 98, 100 & 102, JALAN KEMANGSI BARAT, RANCANGAN PERUMAHAN NEGARA KG. MERAGANG  
NO. PROJEK : (528 / 17) JKR / BKT-KB / BM 1189

YURAN TAWARAN : BND50.00 (TIDAK DIKEMBALIKAN)

YURAN E -DOKUMEN : -

DIBUKAKAN KEPADA PEMBORONG-PEMBORONG YANG BERDAFTAR DENGAN KEMENTERIAN PEMBANGUNAN DI DALAM KELAS : III & IV SAHAJA KATEGORI : KA01 SAHAJA - KOD BAHARU

TARIKH AKHIR MENGAMBIL DOKUMEN TAWARAN PADA : 29 JANUARI 2019 (SELASA)

TARIKH TUTUP : 12 FEBRUARI 2019 (SELASA) JAM 2.00 PETANG

BILANGAN TAWARAN : JKR / DTS / 41 / BKTCS / 2018 - T / IV  
NAMA PROJEK : KERJA-KERJA MEMBAIK PULIH TANAH SUSUR DI NO. 90 DAN NO. 92, SIMPANG 90, JALAN 11, KG. PERPINDAHAN LAMBAK KANAN, MUKIM BERAKAS B  
NO. PROJEK : (646 / 18) JKR / BKT-KS / BM 1189

YURAN TAWARAN : BND100.00 (TIDAK DIKEMBALIKAN)

YURAN E -DOKUMEN : -

DIBUKAKAN KEPADA PEMBORONG-PEMBORONG YANG BERDAFTAR DENGAN KEMENTERIAN PEMBANGUNAN DI DALAM KELAS : III, IV & V SAHAJA

KATEGORI : KA01 SAHAJA - KOD BAHARU

TARIKH AKHIR MENGAMBIL DOKUMEN TAWARAN PADA : 29 JANUARI 2019 (SELASA)

TARIKH TUTUP : 12 FEBRUARI 2019 (SELASA) JAM 2.00 PETANG

BILANGAN TAWARAN : JKR / DTS / 01 / BKTCS / 2019 - T / IV  
NAMA PROJEK : KERJA-KERJA MEMBAIK PULIH CERUN DI SEBAHAGIAN JALAN BATANG DURI, KG. SUMBILING BARU, TEMBURONG  
NO. PROJEK : (650 / 18) JKR / BKTCS / BM 1189

YURAN TAWARAN : BND100.00 (TIDAK DIKEMBALIKAN)

YURAN E -DOKUMEN : -

DIBUKAKAN KEPADA PEMBORONG-PEMBORONG YANG BERDAFTAR DENGAN KEMENTERIAN PEMBANGUNAN DI DALAM KELAS : III & IV SAHAJA KATEGORI : KA01 SAHAJA - KOD BAHARU

TARIKH AKHIR MENGAMBIL DOKUMEN TAWARAN PADA : 29 JANUARI 2019 (SELASA)

TARIKH TUTUP : 12 FEBRUARI 2019 (SELASA) JAM 2.00 PETANG

BILANGAN TAWARAN : JKR / DTS / 02 / BKTCS / 2019 - T / III  
NAMA PROJEK : KERJA-KERJA MEMBAIK PULIH TANAH SUSUR DI ALAMAT NO. 81, 83, 85, 87 JALAN KEMANGSI TIMUR RPN MERAGANG  
NO. PROJEK : (656 / 18) JKR / BKT-KS / BM 1189

YURAN TAWARAN : BND50.00 (TIDAK DIKEMBALIKAN)

YURAN E -DOKUMEN : -

DIBUKAKAN KEPADA PEMBORONG-PEMBORONG YANG BERDAFTAR DENGAN KEMENTERIAN PEMBANGUNAN DI DALAM KELAS : III & IV SAHAJA KATEGORI : KA01 SAHAJA - KOD BAHARU

TARIKH AKHIR MENGAMBIL DOKUMEN TAWARAN PADA : 29 JANUARI 2019 (SELASA)

TARIKH TUTUP : 12 FEBRUARI 2019 (SELASA)

JAM 2.00 PETANG

BILANGAN TAWARAN : JKR / DTS / 03 / BKTCS / 2019 - T / III  
NAMA PROJEK : KERJA-KERJA MEMBAIK PULIH CERUN DI ALAMAT NO. 13, SPG. 33, JALAN 64, RPN KG. LAMBAK KANAN  
NO. PROJEK : (582 / 18) JKR / BKT KB / BM 1189

YURAN TAWARAN : BND50.00 (TIDAK DIKEMBALIKAN)

YURAN E -DOKUMEN : -

DIBUKAKAN KEPADA PEMBORONG-PEMBORONG YANG BERDAFTAR DENGAN KEMENTERIAN PEMBANGUNAN DI DALAM KELAS : IV, V & VI SAHAJA KATEGORI : KA01 SAHAJA - KOD BAHARU

TARIKH AKHIR MENGAMBIL DOKUMEN TAWARAN PADA : 29 JANUARI 2019 (SELASA)

TARIKH TUTUP : 12 FEBRUARI 2019 (SELASA) JAM 2.00 PETANG

BILANGAN TAWARAN : JKR / DBSKB 013 / 2019  
NAMA PROJEK : MENGGANTI BARU PENUNGGAT PAIP (PIPE SUPPORT) AIR MENTAH UTAMA DARI STESAN PAM AIR BADAS KE LOJIL RAWATAN AIR SERIA  
NO. PROJEK : DWSI1105 / ADKB - 05

YURAN TAWARAN : BND500.00 (TIDAK DIKEMBALIKAN)

YURAN E -DOKUMEN : -

Syarat-Syarat Tawaran :

TAWARAN-TAWARAN hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran, Lembaga Tawaran Kecil, Tingkat Bawah, Kementerian Pembangunan, Berakas, BB3510, Negara Brunei Darussalam (kecuali) lain dari alamat yang dinyatakan dalam iklan atau dokumen tawaran.

Dokumen-dokumen tawaran dan syarat-syarat bolehlah dilihat dan diperoleh dari Unit Pembahagian Dokumen, Tingkat Bawah, Ibu Pejabat Jabatan Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam. Dokumen tawaran yang dikeluarkan dari Jabatan Kerja Raya Kuala Belait (Bilangan Tawaran yang dimulai dengan huruf JKR/DBSKB...) bolehlah dilihat dan diperoleh dari Unit Kontrak, Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait, Negara Brunei Darussalam.




**JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT  
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI**

**TAJUK TAWARAN I :**  
**Membekal dan Menghantar Apple iMAC Desktop**

**RUJUKAN TAWARAN :**  
**JBP / TSH / 77 / 2018-2019**

**TARIKH TUTUP / JAM :**  
**Khamis, 31 Januari 2019  
(1.50 Petang)**

**YURAN TAWARAN :**  
**BND5.00**

**Syarat-syarat Penyertaan :**

1. PEMOHON adalah dipelawa daripada syarikat-syarikat dan pembekal-pembekal yang berdaftar dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

2. Pemohon hendaklah menggunakan borang asal yang dikeluarkan oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Negara Brunei Darussalam dan borang boleh diperoleh di :

**Kaunter Bahagian Kewangan  
Tingkat Bawah  
Ibu Pejabat Bomba dan Penyelamat  
Jalan Landasan Lama  
Berakas, BB3510  
Negara Brunei Darussalam.**

bermula **12 Januari 2019** dengan harga yuran **BND5.00 (tidak dikembalikan).**

**Waktu bagi menerima bayaran yuran :**

**Isnin hingga Khamis  
8.00 Pagi hingga 11.30 Pagi dan  
1.45 Petang hingga 3.00 Petang  
Sabtu  
8.00 Pagi hingga 10.30 Pagi**

3. Borang tawaran hendaklah disertakan salinan Sijil Pendaftaran Perniagaan 16 & 17 yang masih sah yang menyenaraikan butir-butir perniagaan seperti nama, bilangan pendaftaran dan negeri asal, nombor kad pengenalan atau passport pemilik.

4. Setiap satu borang tawaran yang lengkap diisikan dan disertakan dengan dokumen-dokumen yang diperlukan hendaklah dimasukkan ke dalam satu sampul surat yang tertutup rapi dan menulis dengan jelas dengan menyatakan tajuk & bilangan tawaran dan tarikh tutup tawaran tanpa membubuhkan sebarang pengenalan atau identiti syarikat / pembekal.

5. Borang tawaran hendaklah dikembalikan dan dimasukkan ke dalam :

**PETI TAWARAN SEBUT HARGA,  
JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT**

yang ditujukan kepada :

**PENGERUSI  
JAWATANKUASA SEBUT HARGA  
RUANG LEGAR, TINGKAT BAWAH  
BAHAGIAN PENTADBIRAN DAN KEWANGAN  
IBU PEJABAT BOMBA DAN PENYELAMAT  
JALAN LANDASAN LAMA  
BERAKAS, BB3510  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.**

6. Mana-mana tawaran yang diterima selepas tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.

**PERINGATAN :**

Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran yang rendah dan lain-lain.


**KEMENTERIAN PERTAHANAN**

**TAWARAN NO. :**  
**JPPK / LTK / 01 / 2019**  
**PROPOSED DESIGN, SUPPLY AND  
REPLACEMENT OF EXISTING HIGH BAY  
LUMINAIRES TO "LED" TYPE AT HANGAR 1, TENTERA  
UDARA DIRAJA BRUNEL.**

**BAYARAN TAWARAN :**  
**BND30.00 - Yuran Tawaran  
(tidak dikembalikan)**

**KELAS : III & KE ATAS**

**KATEGORI : E01 & E02**

**TEMPOH PENYIAPAN :**  
**TIGA (3) BULAN**

**TARIKH AKHIR MEMBELI DAN MENGAMBIL**

**DOKUMEN TAWARAN :**  
**JUMAAT, 8 FEBRUARI 2019  
(JAM 11.00 PAGI)**

**TARIKH TUTUP TAWARAN :**  
**SELASA, 12 FEBRUARI 2019  
(TIDAK LEWAT JAM 2.00 PETANG)**

**SYARAT SYARAT TAWARAN :**

a. TAWARAN-tawaran hendaklah dimasukkan ke Peti Tawaran, Lembaga Tawaran Kecil, Bangunan Arkib Pertahanan, Aras Bawah, Kementerian Pertahanan, Bolkiah Garrison, BB3510, Negara Brunei Darussalam.

Dokumen-dokumen tawaran bolehlah diperoleh dari **Bangunan Arkib aras bawah, Kementerian Pertahanan, Bolkiah Garrison, BB3510 Negara Brunei Darussalam** semasa hari-hari bekerja (Isnin hingga Jumaat).

b. Penender adalah bertanggungjawab bagi memastikan dokumen-dokumen berikut dikemaskini dan disahkan sebelum membuat pembelian dokumen tawaran :

- Sijil Pendaftaran Syarikat dan Form 16 / 17 / Form X;
- Sijil Pendaftaran dengan Kementerian Pembangunan yang dikemas kini dan sah, dan menepati Kelas dan Kategori yang akan diikuti;
- Sijil Pengutipan Cukai Tahunan (*Tax Compliance Certificate*) dari Kementerian Kewangan yang terkini dan sah;
- Statement of Annual Returns yang terkini dan sah;
- Sijil Pendaftaran TAP (bagi syarikat dan pekerja tempatan) yang terkini dan sah)

Kegagalan penender dalam menyediakan dokumen-dokumen tersebut diatas boleh menyebabkan tawaran dihadapkan tidak sah dan tidak akan dinilai.

Para penender yang berhasrat menyertai tawaran ini adalah disaran untuk mendapatkan maklumat dan syarat penuh di tempat mengambil dokumen tawaran.


**JABATAN PERTANIAN DAN AGRIMAKANAN  
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA  
DAN PELANCONGAN**

**PEMBERITAHUAN TAWARAN**

1. TAWARAN hendaklah dialamatkan kepada Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil dan masukkan ke dalam Peti Lembaga Tawaran Kecil KSSUP, Tingkat Bawah, Bangunan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Jalan Menteri Besar BB3910, Negara Brunei Darussalam **tidak lewat dari jam 2.00 Petang, pada Selasa, 22 Januari 2019.**

**JPt / TAW / 11 / 2018 - 2019 : TO PERFORM PHYSICAL PROPERTY ANALYSIS OF GROUNDWATER, CONSTRUCT AND INSTALL PERMANENT (TUBE) WELLS AT KKP BEBULOH, BRUNEI MUARA DISTRICT AND KKP LOT SENGKUANG, BELAIT DISTRICT. (Yuran Tawaran BND100.00)**

2. Tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.

3. Tawaran hendaklah dalam sampul surat yang bertutup dan pada bahagian atas sebelah kiri sampul surat hendaklah ditulis dengan bahagian / tajuk tawaran dan tarikh tutup sahaja tanpa menunjukkan identiti pembekal.

4. Dokumen dan borang tawaran serta

penerangan lanjut bolehlah dilihat dan diperoleh dari Ibu Pejabat Pertanian dan Agrimakanan, Jalan Lapangan Terbang Lama Berakas, Bandar Seri Begawan.

5. Yuran tawaran adalah dikehendaki bagi setiap tajuk dan tidak akan dikembalikan kepada setiap penender.

6. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau sebarang tawaran.

7. Salinan sijil pendaftaran perniagaan hendaklah disertakan bersama.

8. Pihak penender dimestikan mempunyai pengalaman dalam projek yang berkaitan dengan bidang geologi dan hidrologi (menyertakan rekod kerja / projek yang terdahulu sama ada dengan pihak kerajaan atau swasta) untuk dipertimbangkan bagi tawaran ini.

9. Tawaran ini dibukakan kepada syarikat swasta yang berdaftar dengan Bahagian Pendaftar Syarikat dan Bahagian Pendaftaran, Nama Perniagaan, Kementerian Kewangan.

10. Tawaran yang diiklankan di atas boleh dilayari melalui laman sesawang Jabatan Pertanian dan Agrimakanan seperti berikut : <http://www.agriculture.gov.bn>


**JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK  
KEMENTERIAN TENAGA  
(TENAGA DAN TENAGA MANUSIA) DAN PERINDUSTRIAN**

**JEMPUTAN UNTUK MEMBERI TAWARAN**

**JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK  
KEMENTERIAN TENAGA (TENAGA DAN TENAGA MANUSIA)  
DAN PERINDUSTRIAN  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.**

**BILANGAN TAWARAN : JPE / LTK / PDP / 033 / 2018**

**TAJUK : REPLACEMENT OF SWITCHGEAR AT MIS BUKIT PUAN,  
CENTRAL AND EASTERN BELAIT.**

**YURAN TAWARAN : BND500.00 (TIDAK DIKEMBALIKAN)**

**TARIKH TUTUP : 12 Februari 2019 / Selasa (jam 2.00 Petang)**

**TEMPAT TUTUP :**

**'PETI TAWARAN'**

**PENGERUSI LEMBAGA TAWARAN KECIL  
BASEMENT 2 (B2)**

**KEMENTERIAN TENAGA (TENAGA DAN TENAGA MANUSIA) DAN PERINDUSTRIAN  
KOMPLEKS BANGUNAN JABATAN PERDANA MENTERI  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.**

**KELAYAKAN : PEMBORONG YANG BERDAFTAR DI KEMENTERIAN  
PEMBANGUNAN. KELAS III, IV ATAU V, KATEGORI E03 ATAU E05**

DOKUMEN-dokumen tawaran dan penerangan yang lanjut bolehlah diperoleh dari Kaunter Unit Tawaran, Tingkat Empat (4), Jabatan Perkhidmatan Elektrik, Kementerian Tenaga (Tenaga dan Tenaga Manusia) dan Perindustrian, Airport Lama Berakas, BB3510, Negara Brunei Darussalam.

**PERHATIAN :**

Sila sertakan 'BUSINESS NAMES ENACTMENT, 1958 - SECTION 16 & 17' dan Sijil Pendaftaran Pemborong (MOD) dengan Kelas dan Kategori tersebut semasa mengambil dokumen ini di Kaunter Unit Tawaran, Tingkat Empat (4), Jabatan Perkhidmatan Elektrik.



## KEMENTERIAN KESIHATAN

**PEMBERITAHUAN TAWARAN  
KEMENTERIAN KESIHATAN  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

1. DOKUMEN-DOKUMEN tawaran serta penerangan lanjut bolehlah diperoleh dari Bahagian Perolehan, Tingkat Bawah, Kementerian Kesihatan, Commonwealth Drive, Bandar Seri Begawan, semasa waktu-waktu bekerja, mulai **Rabu, 26 Disember 2018**. Sila layari laman sesawang Kementerian Kesihatan [www.moh.gov.bn](http://www.moh.gov.bn).

2. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang tertutup dengan menyatakan bilangan tajuk tawaran serta tarikh tutup tanpa menunjukkan identiti pemborong dan dialamatkan kepada :

**Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil  
Peti Tawaran, Tingkat Bawah  
Kementerian Kesihatan  
Commonwealth Drive  
Bandar Seri Begawan, BB3910  
Negara Brunei Darussalam.**

3. Yuran tawaran (*tender fee*) bagi tiap-tiap tawaran adalah seperti dinyatakan dan dikehendaki pembayaran dengan WANG TUNAI sahaja (dan yuran tawaran tidak akan dikembalikan). Pembayaran hendaklah dibuat di Bahagian Perolehan, Tingkat Bawah, Kementerian Kesihatan, Commonwealth Drive, Bandar Seri Begawan semasa waktu-waktu bekerja.

**Waktu Menerima Bayaran  
Isnin hingga Khamis  
8.00 Pagi hingga 11.00 Pagi  
2.00 Petang hingga 3.00 Petang  
Sabtu  
8.00 Pagi hingga 10.00 Pagi**

4. Mana-mana pemborong yang berhasrat untuk menyertai tawaran-tawaran yang diiklankan di bawah Kementerian Kesihatan disarankan untuk mendapatkan keterangan lanjut mengenai persyaratan-persyaratan tawaran di dalam laman sesawang Kementerian Kesihatan [www.moh.gov.bn](http://www.moh.gov.bn).

## TAWARAN

**BILANGAN TAWARAN :  
PHARM / 465 / 2018 / 2019**

**KETERANGAN :  
SUPPLY AND DELIVERY OF MEDICINES FOR THE DEPARTMENT OF  
PHARMACEUTICAL SERVICES FOR MINISTRY OF HEALTH  
YURAN TAWARAN :  
BND30.00**

**BILANGAN TAWARAN :  
KK / 479 / 2018 / 2019 / ESTETMOH**

**KETERANGAN :  
RENOVATION WORKS BUNGLOW 5 & 6 FOR FALU & MALU KIARONG,  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM  
YURAN TAWARAN :  
BND30.00**

**TARIKH TUTUP :  
22 JANUARI 2019  
(tidak lewat jam 2.00 Petang)**

**IKLAN WEBSITE PADA  
26 DISEMBER 2018**



## UNIVERSITI ISLAM SULTAN SHARIF ALI

**1. Tajuk Tawaran :  
UNISSA / SB0046 / 2018 / 2019  
UPGRADING WORKS FOR  
AUDITORIUM UNIVERSITI  
ISLAM SULTAN SHARIF ALI**

**2. Tajuk Tawaran :  
UNISSA / SB0047 / 2018 / 2019  
TO SUPPLY AND DELIVER LOOSE  
FURNITURES FOR HOSTEL  
AT UNIVERSITI ISLAM SULTAN  
SHARIF ALI**

**3. Tajuk Tawaran :  
UNISSA / SB0048 / 2018 / 2019  
BUILDING REPAIR WORKS FOR  
HOSTEL AT UNIVERSITI ISLAM  
SULTAN SHARIF ALI**

**Tarikh tutup tawaran :  
Rabu, 23 Januari 2019,  
jam 2.00 Petang**

**Yuran tawaran :  
BND 10.00  
(tidak dikembalikan)**

1. TAWARAN adalah dipelawa daripada

syarikat-syarikat dan pembekal- pembekal tempatan yang berdaftar di Negara Brunei Darussalam.

2. Dokumen tawaran boleh diperoleh di Bahagian Kewangan, Tingkat 1, Bangunan Pentadbiran Dan Kewangan, Simpang 347, Jalan Pasar Baharu Gadong, BE1310, Negara Brunei Darussalam.

3. Tawaran yang telah diisi dengan lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga yang disediakan dan dialamatkan kepada :

**PENGERUSI SEBUT HARGA  
UNIVERSITI ISLAM  
SULTAN SHARIF ALI  
SIMPANG 347  
JALAN PASAR BAHARU  
GADONG, BE1310  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.**

4. Para penender yang berhasrat untuk menyertai tawaran ini adalah disaran untuk mendapatkan maklumat dan syarat penuh di tempat mengambil dokumen tawaran atau layari laman sesawang <http://www.unissa.edu.bn>.



## KEMENTERIAN PERTAHANAN

**JUALAN SECARA SEBUT HARGA  
BAGI 02 BUAH TRAILER  
KEMENTERIAN PERTAHANAN**

## Peraturan dan syarat :

1. TAWARAN adalah dipelawa kepada pemborong-pemborong, firma swasta dan orang-orang perseorangan untuk memberikan sebut harga bagi penjualan *trailer* dan kerja-kerja pengangkutannya yang dihapuskan dari kira-kira seperti yang tersenarai di dalam borang sebut harga.

2. Yuran dokumen sebanyak **BND10.00** tunai (tidak dikembalikan) bagi satu borang sebut harga dan borang tersebut boleh diambil di alamat berikut :

**Bangunan Arkib  
Aras Bawah  
Kementerian Pertahanan  
Bolkiah Garison**

3. Tawaran hendaklah dihantar dengan sampul surat yang bertutup rapi (*sealed*) dengan menyatakan tajuk dan bilangan sebut harga yang berkenaan tanpa menyatakan identiti penawar dan dihantar kepada alamat di bawah ini dengan mengikut arahan yang dinyatakan dalam dokumen sebut harga ini.

**TAWARAN  
PEMBELIAN & PENGANGKUTAN  
BARANG YANG DIHAPUSKAN  
DARI KIRA-KIRA  
KEMENTERIAN PERTAHANAN  
RUJUKAN :  
MINDEF / DFA / MWOC / L / 1  
(05 / 2018)**

4. Tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam:

**Box No. 6, Peti Sebut Harga  
Bangunan Arkib  
Aras Bawah  
Kementerian Pertahanan  
Bolkiah Garison.**

5. Tarikh tutup : **Rabu, 23 Januari 2019, tidak lewat jam 10.00 Pagi.**

6. Tawaran yang lewat diterima dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan diterima dan dilayan.

7. Keterangan yang dicatatkan di dalam borang sebut harga tersebut hendaklah diisikan dengan lengkap dan teratur mengikut syarat-syarat dan peraturan yang telah ditetapkan oleh jawatankuasa ini. Setiap sebut harga hendaklah dicatat dengan angka yang jelas dan betul termasuk jumlah perkataannya.

8. Harga bagi setiap tawaran hendaklah tidak kurang daripada harga permulaan yang telah ditetapkan. Mana-mana tawaran yang kurang daripada harga-harga yang ditetapkan besar kemungkinan tidak akan dipertimbangkan.

9. Sebut harga Tuan / Puan tidak akan dilayan dan dipertimbangkan jika :

9.1 Tidak membubuh **tanda tangan, cap syarikat** (jika berkenaan) dan **nombor resit.**

9.2 Mengubah apa-apa keterangan tawaran sebut harga dengan menggunakan *correction fluid*.

10. Dokumen sebut harga akan diberikan hanya setelah pemborong mengemukakan

resit pembayaran yuran tawaran kepada Jawatankuasa Penghapusan Dari Kira-Kira, Kementerian Pertahanan.

11. Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang sebut harga asal yang telah disediakan. Borang-borang yang disalin tidak akan diterima dan dilayan.

12. *Trailer* yang dilelong ini bolehlah dilihat di tempat yang disediakan iaitu di **tempat penyimpanan kenderaan (casting area) di Berakas Garison.**

13. Pembeli yang berjaya dikehendaki membayar penuh secara tunai dan memindahkan *trailer* yang dibeli itu tidak lewat (7) hari bekerja dari tarikh makluman berjaya. Kegagalan berbuat demikian mengakibatkan pembelian boleh dibatalkan dan wang pembayaran yang sudah dibuat tidak akan dikembalikan.

14. Jika sekiranya harga yang ditawarkan dan harga permulaan adalah sama / tidak berubah, sebut harga berkenaan tidak semestinya berjaya. Semua pembelian adalah berasaskan *as is* dan *where is*.

15. Waktu-waktu penerimaan pembayaran dan melihat kenderaan tersebut adalah seperti berikut :

**Isnin hingga Khamis  
8.00 Pagi hingga 11.30 Pagi dan  
2.00 Petang hingga 3.00 Petang  
Jumaat  
8.00 Pagi hingga 10.00 Pagi**

16. Pihak Jawatankuasa Penghapusan dari Kira-Kira, Kementerian Pertahanan berhak untuk mengeluarkan / menarik balik tawaran *trailer* berkenaan pada bila-bila masa sahaja.

## Syarat-syarat wajib :

17. Pembeli yang berjaya mestilah menyediakan pengangkutan sendiri dan kelengkapan keselamatan kepada pekerja-pekerjanya bagi mengelakkan bahaya dan segala kerja-kerja pemindahan hendaklah dilaksanakan dengan selamat.

18. Pembeli yang berjaya dikehendaki membayar cukai kastam jika diperlukan.

19. Pihak Jawatankuasa berhak membatalkan pembelian sekiranya penawar gagal menepati tempoh, peraturan dan syarat-syarat yang di tetapkan.

20. Kerajaan tidak terikat untuk menerima keseluruhan atau sebahagian sebut harga yang dihadapkan.

21. Maklumat lanjut mengenai dengan *trailer*, lokasi-lokasi dan borang sebut harga berkenaan, sila hubungi pihak RSSD Jabatanarah Logistik, Kementerian Pertahanan, Bolkiah Garison di talian +673 2386147 / +673 2386533 / +673 2386900 untuk melihat / mengetahui keadaan *trailer* berkenaan.

**SENARAI 02 BUAH TRAILER YANG  
DILELONG SECARA TAWARAN  
SEBUT HARGA 05 / 2018 :**

**1. ¾ TON GS CARGO TRAILER  
BIL. KENDERAAN MOD : MOD323 T**

**2. ¾ TON GS CARGO TRAILER  
BIL. KENDERAAN MOD : MOD324 T**



KEMENTERIAN PERTAHANAN

**TAWARAN NO. :**  
**JPPK / LTN / 51 / 2018**  
**FIVE (5) YEARS TERM CONTRACT**  
**FOR THE FACILITY MANAGEMENT &**  
**MAINTENANCE OF PENANJONG**  
**GARRISON, ROYAL BRUNEI ARMED**  
**FORCES, MINISTRY OF DEFENCE**

**BAYARAN TAWARAN :**  
**BND1,000.00 - Yuran Tawaran**  
**BND5.00 - E-dokumen**  
**Jumlah - BND1,005.00**  
**(tidak dikembalikan)**

**DOKUMEN 'SCHEDULE OF RATES'**  
**(VOL 1 & 2) :**  
**BND500.00 satu set (dalam bentuk CD)**  
**(Tidak dikembalikan)**

**KELAS : V & KE ATAS**

**KATEGORI : KA01 & B01**

**TEMPOH PENYIAPAN :**  
**LIMA (5) TAHUN**

**TARIKH AKHIR MEMBELI DAN**  
**MENGAMBIL DOKUMEN TAWARAN :**  
**JUMAAT, 25 JANUARI 2019**  
**(JAM 10.30 PAGI)**

**TARIKH TUTUP TAWARAN :**  
**SELASA, 12 FEBRUARI 2019**  
**(TIDAK LEWAT JAM 2.00 PETANG)**

**SYARAT SYARAT TAWARAN :**

a. TAWARAN-tawaran hendaklah dimasukkan ke Peti Tawaran, Lembaga Tawaran Kecil, Bangunan Arkib Pertahanan, Aras Bawah, Kementerian Pertahanan, Bolkliah Garrison, BB3510, Negara Brunei Darussalam.

Dokumen-dokumen tawaran dan 'Schedule of Rates' bolehlah diperoleh dari **Tingkat 1, Blok D, Jabatanarah Pembangunan dan Perkhidmatan Kerja, Bolkliah Garrison, Negara Brunei Darussalam** semasa hari-hari

bekerja (Isnin hingga Jumaat).

b. Penender adalah dikehendaki untuk membawa cap rasmi syarikat (*company stamp*) ketika mengambil dokumen tawaran.

c. Sesi penerangan ringkas tawaran rasmi akan diadakan di **Tingkat 1, Bilik Mesyuarat, Jabatanarah Pembangunan dan Perkhidmatan Kerja, Bolkliah Garrison** pada pukul **10.00 Pagi** pada **Khamis, 31 Januari 2019**. Kedatangan adalah dimestikan kepada penender-penender yang telah mengambil dokumen tawaran sebelum dan pada **25 Januari 2019**.

d. Penender adalah bertanggungjawab bagi memastikan dokumen-dokumen berikut dikemaskini dan disahkan sebelum membuat pembelian dokumen tawaran :

i. Sijil Pendaftaran Syarikat dan Form 16 / 17 / Form X;

ii. Sijil Pendaftaran Kontraktor dengan Kementerian Pembangunan dikemas kini dan sah, dan menepati Kelas dan Kategori yang akan diikuti;

iii. Sijil pendaftaran Syarikat Pembekal dengan Kementerian Pembangunan yang dikemaskini dan sah;

iv. Lesen Pembina (Builder's Licence) dengan Autoriti Kawalan Bangunan dan Industri Pembinaan, Kementerian Pembangunan yang dikemaskini dan sah;

v. Sijil Pengutipan Cukai Tahunan (Tax Compliance Certificate) dari Kementerian Kewangan yang terkini dan sah;

iv. Statement of Annual Returns yang terkini dan sah;

v. Sijil Pendaftaran TAP (bagi syarikat dan pekerja tempatan) yang terkini dan sah)

Kegagalan penender dalam menyediakan dokumen-dokumen tersebut diatas boleh menyebabkan tawaran dihadapkan tidak sah dan tidak akan dinilai.

Para penender yang berhasrat menyertai tawaran ini adalah disaran untuk mendapatkan maklumat dan syarat penuh di tempat mengambil dokumen tawaran.



KEMENTERIAN PERTAHANAN

**TAWARAN NO. :**  
**JPPK / LTN / 52 / 2018**  
**FIVE (5) YEARS TERM CONTRACT**  
**FOR THE FACILITY MANAGEMENT**  
**& MAINTENANCE OF SPECIAL**  
**FORCES REGIMENT, PENANJONG**  
**GARRISON, MINISTRY OF DEFENCE**

**BAYARAN TAWARAN :**  
**BND1,000.00 - Yuran Tawaran**  
**BND5.00 - E-dokumen**  
**Jumlah - BND1,005.00**  
**(tidak dikembalikan)**

**DOKUMEN 'SCHEDULE OF RATES'**  
**(VOL 1 & 2) :**  
**BND500.00 satu set (dalam bentuk CD)**  
**(Tidak dikembalikan)**

**KELAS : V & KE ATAS**

**KATEGORI : KA01 & B01**

**TEMPOH PENYIAPAN :**  
**LIMA (5) TAHUN**

**TARIKH AKHIR MEMBELI**  
**DAN MENGAMBIL DOKUMEN**  
**TAWARAN :**  
**JUMAAT, 25 JANUARI 2019**  
**(JAM 10.30 PAGI)**

**TARIKH TUTUP TAWARAN :**  
**SELASA, 12 FEBRUARI 2019**  
**(TIDAK LEWAT JAM 2.00 PETANG)**

**SYARAT SYARAT TAWARAN :**

a. TAWARAN-tawaran hendaklah dimasukkan ke Peti Tawaran, Lembaga Tawaran Kecil, Bangunan Arkib Pertahanan, Aras Bawah, Kementerian Pertahanan, Bolkliah Garrison, BB3510, Negara Brunei Darussalam.

Dokumen-dokumen tawaran dan 'Schedule of Rates' bolehlah diperoleh dari **Tingkat 1, Blok D, Jabatanarah Pembangunan dan Perkhidmatan Kerja, Bolkliah Garrison, Negara Brunei Darussalam** semasa hari-hari bekerja (Isnin hingga Jumaat).

b. Penender adalah dikehendaki untuk membawa cap rasmi syarikat (*company stamp*) ketika mengambil dokumen tawaran.

c. Sesi penerangan ringkas tawaran rasmi akan diadakan di **Tingkat 1, Bilik Mesyuarat, Jabatanarah Pembangunan dan Perkhidmatan Kerja, Bolkliah Garrison** pada pukul **10.00 Pagi** pada **Khamis, 31 Januari 2019**. Kedatangan adalah dimestikan kepada penender-penender yang telah mengambil dokumen tawaran sebelum dan pada **25 Januari 2019**.

d. Penender adalah bertanggungjawab bagi memastikan dokumen-dokumen berikut dikemaskini dan disahkan sebelum membuat pembelian dokumen tawaran :

i. Sijil Pendaftaran Syarikat dan Form 16 / 17 / Form X;

ii. Sijil Pendaftaran Kontraktor dengan Kementerian Pembangunan dikemas kini dan sah, dan menepati Kelas dan Kategori yang akan diikuti;

iii. Sijil pendaftaran Syarikat Pembekal dengan Kementerian Pembangunan yang dikemaskini dan sah;

iv. Lesen Pembina (Builder's Licence) dengan Autoriti Kawalan Bangunan dan Industri Pembinaan, Kementerian Pembangunan yang dikemaskini dan sah;

v. Sijil Pengutipan Cukai Tahunan (Tax Compliance Certificate) dari Kementerian Kewangan yang terkini dan sah;

iv. Statement of Annual Returns yang terkini dan sah;

v. Sijil Pendaftaran TAP (bagi syarikat dan pekerja tempatan) yang terkini dan sah)

Kegagalan penender dalam menyediakan dokumen-dokumen tersebut diatas boleh menyebabkan tawaran dihadapkan tidak sah dan tidak akan dinilai.

Para penender yang berhasrat menyertai tawaran ini adalah disaran untuk mendapatkan maklumat dan syarat penuh di tempat mengambil dokumen tawaran.



JABATAN PENGAJIAN ISLAM  
 KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA

ADALAH dengan ini diberi notis, iaitu bahawa Jualan Lelong secara sebut harga bagi perabot dan peralatan sekolah dan pejabat kepunyaan di bawah kawalan Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama. Kepada sesiapa yang berminat untuk membeli bolehlah mendapatkan borang Jualan secara sebut harga di alamat :

**BAHAGIAN KEWANGAN, JABATAN PENGAJIAN ISLAM**  
**TINGKAT 4, BLOK 2 I JALAN ONG SUM PING,**  
**BANDAR SERI BEGAWAN BA1311**

**WAKTU MENGAMBIL BORANG :**  
 8.00 Pagi hingga 11.30 Pagi / 2.00 Petang hingga 4.00 Petang

**TARIKH AKHIR MENGAMBIL BORANG :**  
 21 Januari 2019 (Isnin), tidak lewat jam 4.00 Petang

**TARIKH TUTUP DAN WAKTU MENGHANTAR BORANG :**  
 22 Januari 2019 (Selasa), tidak lewat jam 9.00 Pagi

LOT 1.  
 KETERANGAN BARANG :  
**144 unit peralatan / perkakas elektrik.**  
**183 unit perabot pejabat**  
**10 unit peralatan pejabat**  
**JUMLAH : 337 unit**

TEMPAT MELIHAT : **Bangunan pasar basah, Bandar Seri Begawan**

Jualan Lelong secara sebut harga ini mengandungi beberapa syarat seperti berikut :

1. Tawaran adalah dipelawa kepada pemborong firma swasta dan orang ramai.
2. Untuk keterangan lanjut mengenainya, hubungi talian **+673 2230101, Unit pembelian, Stor & Penghapusan** semasa waktu Pejabat.
3. Hanya pembeli berjaya dalam tawaran sebut harga akan dihubungi untuk tindakan selanjutnya.
4. Lelongan sebut harga yang berjaya adalah dinilai berdasarkan harga tawaran tertinggi.
5. Pembeli berjaya dikehendaki membayar secara wang tunai dan memindahkan barang yang dibeli tidak lewat 14 hari dari tarikh jualan dan akan dirampas serta dilelong semula.



KEMENTERIAN PERTAHANAN

PEMBERITAHUAN TAWARAN

**TAWARAN NO. 1 :**  
**MINDEF / DFA / 2018 / DITU / TA / 10**  
**PERISIAN FORTICARE**  
**BAGI FORTIGATE**

**BAYARAN TAWARAN :**  
**BND30.00 (tidak dikembalikan)**

**TARIKH MULA MENGAMBIL**  
**DOKUMEN TAWARAN :**  
**14 JANUARI 2019**

**TARIKH TUTUP TAWARAN :**  
**SELASA, 29 JANUARI 2019**  
**(TIDAK LEWAT JAM 2.00 PETANG)**

SYARAT SYARAT TAWARAN :

a. TAWARAN-TAWARAN hendaklah dimasukkan ke Peti Tawaran, Lembaga Tawaran Kecil, Bangunan Arkib, Aras Bawah, Kementerian Pertahanan, Bolkliah Garrison, BB3510, Negara Brunei Darussalam, **tidak lewat pada tarikh-tarikh dan waktu seperti yang dinyatakan di atas.**

Dokumen-dokumen tawaran bolehlah diperoleh dari Bangunan Arkib, Aras Bawah, Kementerian Pertahanan, Bolkliah Garrison semasa hari-hari bekerja (Isnin dan Rabu) bermula seperti tarikh-tarikh yang dinyatakan di atas.

b. Bayaran yuran tawaran (*tender fee*) hendaklah dibayar di Unit Kaunter, Bahagian Kewangan, Bangunan Arkib, Aras Bawah,

Kementerian Pertahanan, Bolkliah Garrison, BB3510, Negara Brunei Darussalam.

**Waktu bagi menerima bayaran**  
**dan mendapatkan borang tawaran :**  
**Isnin dan Rabu**  
**8.00 Pagi hingga 11.30 Pagi**  
**2.00 Petang hingga 3.00 Petang**

c. Pembekal adalah dikehendaki membayar yuran dokumen dan bayaran tawaran bagi semua tawaran seperti yang diiklankan. Yuran tawaran adalah dikehendaki dan tidak akan dikembalikan kepada setiap pemborong sama ada yang berjaya atau yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang jujur (*bona-fide-tender*). Kadar yuran tawaran adalah seperti yang ditetapkan dalam iklan tawaran.

d. Kerajaan tidak terikat untuk menerima sebarang tawaran yang paling rendah.

e. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang telah ditetapkan adalah dikira sebagai tawaran tidak jujur (*non-bona-fide-tender*) dan tidak akan dilayan.

Para penender yang berhasrat untuk menyertai tawaran ini adalah disarankan untuk mendapatkan maklumat dan syarat penuh di tempat mengambil dokumen tawaran. Iklan-iklan tawaran, maklumat lanjut dan syarat lainnya juga boleh dilihat melalui laman sesawang : <http://www.mindef.gov.bn>



بندر سري بڠاوان كپتال اسلامي ٢٠١٩  
BANDAR SERI BEGAWAN CAPITAL OF ISLAMIC CULTURE 2019  
بندر سري بڠاوان كپتال الثقافة الاسلامي ٢٠١٩

# قاميرن حجق سني بينا اسلام بندر سري بڠاوان

## ISLAMIC ARCHITECTURAL TRAIL OF BANDAR SERI BEGAWAN EXHIBITION



11 JAMADILAWAL-16 JAMADILAKHIR 1440  
17 JANUARY-23 FEBRUARY 2019

LAPANGAN TERBANG  
ANTARABANGSA BRUNEI



# BSB Ibu Negara Ketamadunan Islam Bagi Rantau Asia Tahun 2019



PEMANDANGAN ibu negara daripada Bangunan Persatuan Guru-Guru Melayu Brunei (PGGMB) suasana persembahan padang pada Upacara Perhimpunan Agung Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-34 Tahun berlangsung di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien, Bandar Seri Begawan.

Oleh : Haji Ahmad Haji Salim  
Foto : Jabatan Penerangan  
Infografik : Bahagian Pelita  
Brunei

persembahan teater, forum sastera serta seni dan sebagainya.

Secara keseluruhannya, program ketamadunan ini diharapkan dapat menyumbang dalam menghidupkan kembali memori sejarah orang-orang Islam dan mewujudkan keamanan dunia budaya, intelektual, sumbangan saintifik dan pelbagai bentuk sumbangan lain dalam bidang-bidang pengetahuan manusia (*human knowledge*).

Pengiktirafan Ibu Negara Kebudayaan Islam bermula pada tahun 2009, dan diberikan kepada tiga buah negara pada setiap tahun yang mewakili rantau Arab, Asia dan Afrika. Negara-negara yang mula menerima pengiktirafan Ibu Negara Kebudayaan Islam ialah Kairoun (Republik Tunisia) bagi rantau Arab, rantau Asia pula ialah Kuala Lumpur, Malaysia dan N'Djamena (Republik Chad) mewakili bagi rantau Afrika.

Tahun 2019, NBD daripada rantau Asia dipilih untuk menerima pengiktirafan tersebut bersama Al-Quds Negara Palestin rantau Arab dan Negara Bissau (Republik Guinea Bissau) daripada rantau Afrika.

## Brunei Ikon Dunia Islam

Menurut Ketua Pengarah ISESCO, Dr. Abdulaziz Othman Altwajiri memuji NBD dengan menyatakan bahawa negara ini wajar dijadikan sebagai contoh ikon bagi dunia Islam kerana beliau takjub dengan Islam yang secara luasnya dipraktikkan dan diserapkan ke dalam budaya, dasar, pembangunan, pendidikan dan cara hidup rakyat di negara ini.

Ke muka 22

**I**BU negara Negara Brunei Darussalam (NBD), iaitu Bandar Seri Begawan (BSB) pada tahun 2019, terpilih sebagai Ibu Negara Ketamadunan Islam Bagi Rantau Asia (*Capital of Islamic Culture for Asia Region*).

Pemilihan BSB ini merupakan satu pengiktirafan dan penghormatan terhadap NBD bersama beberapa buah bandar lain di rantau Arab, Asia dan Afrika yang telah ditentukan semasa Persidangan Menteri-Menteri Kebudayaan Islamik (ICCM) Sesi Ke-9 yang diadakan di Muskat, Oman pada tahun 2015.

Pemilihan BSB adalah pengiktirafan tinggi dunia terhadap negara ini bukan sahaja kerana Islam itu merupakan agama rasmi negara, malah sejarah pembangunan BSB itu sendiri serba-serbi bercirikan keislaman.

Ini jelas kelihatan sama ada dari bangunan Masjid Omar 'Ali Saifuddien yang tersergam di tengah-tengah BSB, di samping bangunan jabatan-jabatan kerajaan yang menjadi pusat pemerintahan dan pentadbiran negara satu ketika dahulu sehinggalah penduduk-penduduk yang bermastautin di BSB dan sekitarnya menampilkan diri mereka dengan ciri-ciri keislaman seperti ketaatan beragama dan sebagainya mengikut perundangan Islam yang ditetapkan.

Salah satu lagi contoh ialah setiap restoran atau kedai makan di negara ini kecuali bukan dimiliki oleh orang beragama Islam, yang beroperasi dimestikan memiliki label dan sijil halal dari semua aspek termasuk tukang masak, pekerja dan mengutamakan kebersihan dalam penyediaan makanan dan sebagainya.

## Konsep Ibu Negara Kebudayaan Islam

Program Ibu Negara

Kebudayaan Islam ini merupakan inisiatif Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Islam (ISESCO) selaras dengan visi ketamadunan dan kemanusiaan bersama kebudayaan Islam.

Inisiatif ini juga bertujuan memperkukuhkan perpaduan Islam dan memperluaskan kerjasama kalangan negara anggota pertubuhan Kerjasama Islam (OIC) yang mana pemilihan

Brunei adalah berdasarkan kriteria yang ditetapkan oleh pihak ISESCO.

Selain itu juga, inisiatif ini membantu dalam menangani ideologi ekstremis dan keganasan serta memupuk toleransi dan perdamaian. Negara-negara yang dipilih adalah berdasarkan kriteria berikut iaitu mempunyai sejarah purba dan menunjukkan kecemerlangan kebudayaan

(*cultural excellence*), menyumbang dalam memperkaya budaya Islam (*Islamic Culture*) dan kemakmuran budaya manusia (*human culture prosperity*), mempunyai mercu tanda ketamadunan (*civilisation landmarks*) dan institusi-institusi seni dan budaya dan memperlihatkan minat dalam menganjurkan festival kebudayaan, pesta buku, pameran,



MASJID Omar 'Ali Saifuddien yang dibina pada tahun 1958 di tengah-tengah Bandar Seri Begawan antara yang menjadi tarikan dunia antarabangsa dan pelancong dari dalam dan luar negara.



**Dari muka 21**

Beliau berada di negara ini pada bulan Julai tahun lepas dan menyebarkan anugerah Pingat Emas ISESCO ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa Majlis Mengadap yang berlangsung di Istana Nurul Iman, sebagai pengiktirafan sokongan dan komitmen baginda dan negara ini kepada pendidikan, sains dan kebudayaan di negara-negara Islam.

Beliau seterusnya melahirkan rasa keterujaannya semasa berkunjung ke negara ini yang menunjukkan pegangan serta cara kehidupan Islam yang terserap dalam semua aspek kehidupan masyarakat sama ada pada budaya, tradisi, sistem pemerintahan, undang-undang, peraturan serta sosioekonomi dan sosiopolitik.

"BSB yang dicalonkan oleh ISESCO untuk menjadi 'Capital City of Islamic Culture for Asia' bagi tahun 2019 akan menjadi tarikan seluruh dunia Islam untuk melihat betapa unik dan menariknya negara ini," katanya.

Menurut beliau lagi, dengan pengiktirafan BSB sebagai Ibu Negara Kebudayaan Islam, ia akan

membantu mendedahkan lagi keunikan negara ini kepada negara Islam lainnya dan terhadap rakyat serta kepimpinan bijaksana Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam mencorak serta memimpin negara dalam mencapai kemajuan berdasarkan ajaran Islam.

Dr. Abdulaziz turut menyatakan bahawa negara ini mempunyai warisan serta kaya dengan sejarah sebagai sebuah negara Islam dan hari ini dapat dilihat ia terus maju dan berkembang dengan pentas dalam pelbagai bidang yang menyumbang kepada penamaannya sebagai Ibu Negara Kebudayaan Islam.

Selain itu, beliau juga tertarik akan tahap kebersihan di negara ini dan menggelarnya sebagai salah sebuah bandar bersih pernah dikunjunginya yang mencerminkan penduduk serta rakyat di negara ini mengutamakan kebersihan seperti mana yang dianjurkan oleh ajaran Islam dan perkara berkenaan patut dijadikan contoh kepada seluruh dunia dan negara Islam lainnya.

**BSB**

BSB menjadi ibu negara NDB sejak 4 Oktober 1970 yang sebelum ini dikenali sebagai Bandar Brunei.

Sejarah ibu negara bermula kira-kira dalam kurun ke tujuh yang mana sejarah merekodkan bahawa ibu negara Brunei

berpindah sebanyak tiga kali.

Catatan sejarah menunjukkan bahawa ibu negara Brunei pertama adalah sebuah perkampungan di atas air berdekatan dengan Kampung Kota Batu dan Bangunan Muzium. Selepas itu pula, Kampong Ayer sepanjang Sungai Brunei yang menjadi pusat bagi perniagaan, penangkapan ikan dan lain-lain perusahaan bagi kaum Melayu Brunei.

Pada 1 Ogos 2007, atas titah perkenan Kebawah DYMM, maka saiz BSB dibesarkan 10 kali ganda lebih besar daripada asal, iaitu daripada 12.87 Km per segi ke 100.36 Km per segi.

**Mercu Tanda**

Pemilihan BSB sebagai Ibu Negara Ketamadunan Islam bagi Rantau Asia adalah merupakan satu mercu tanda penting yang bersejarah buat Negara NBD secara amnya dan juga sebagai nilai tambah di mana ia sinonim kepada status NDB sebagai negara Melayu Islam Beraja (MIB).

Pelaksanaan beberapa aktiviti dan program khusus pada tahun 2019 adalah peluang untuk mencerminkan BSB sebagai bandar Islam yang benar-benar tulen terutamanya kepada mata dunia dengan sentiasa mempraktikkan nilai-nilai kehidupan seharian yang berlandaskan falsafah MIB yang diamalkan sejak lebih 600 tahun yang lalu.

SUASANA Taman Mahkota Jubli Emas yang dibina indah bagi mencantikkan lagi suasana ibu negara Bandar Seri Begawan selain dari tempat riadah yang menarik perhatian pelancong ke negara ini (atas).

	RANTAU ARAB	RANTAU ASIA	RANTAU AFRIKA
2009	Kairouan (Republik Tunisia)	Kuala Lumpur (Malaysia) Baku (Republik Azerbaijan)	N'Djamena (Republik Chad)
2010	Tarim (Republik Yaman)	Dushanbe (Republik Tajikistan)	Moroni (Kesatuan Komoro)
2011	Tlemcen (People's Democratic Republic of Algeria)	Jakarta (Republik Indonesia)	Conakry (Republik of Guinea)
2012	Najaf (Republik Iraq)	Dhaka (Republik Rakyat Bangladesh)	Niamey (Republik Niger)
2013	Tripoli-Al-Madinah Al-Munawarah (Republik Lebanon)-(Kerajaan Arab Saudi)	Ghazni (Republik Islam Afghanistan)	Kano (Persekutuan Republik Nigeria)
2014	Sharjah (Emiriah Arab Bersatu)	Bishkek (Republik Kyrgyzstan)	Ouagadougou (Burkina Faso)
2015	Nizwa (Kesultanan Oman)	Almaty (Republik Kazakhstan)	Cotonou (Republik Benin)
2016	Kuwait (Kuwait)	Male (Republik Maldives)	Freetown (Republik Sierra Leone)
2017	Amman (Kerajaan Hasyimiah Jordan) Sennar (Republic of Sudan)	Mashhad (Republik Islam Iran)	Kampala (Republik Uganda)
2018	Al Muharrag (Kerajaan Bahrain)	Nakhchivan (Republik Azerbaijan)	Libreville (Republik Gabon)
2019	Al-Quds (Palestin) Tunis (Republik Tunisia)	<b>Bandar Seri Begawan (Negara Brunei Darussalam)</b>	Bissau (Republik Guinea Bissau)
2020	Kaherah (Republik Arab Mesir)	Bukhara (Republik Uzbekistan)	Bamako (Republik Mali)
2021	Doha (Qatar)	Islamabad (Republik Islam Pakistan)	Banjul (Republik Gambia)
2022	Damasyk (Republik Arab Syria)	Bandung (Republik Indonesia)	Yaounde (Republik Cameroon)
2023	Bengasi (Libya)	Selangor (Malaysia)	Abidjan (Republik Cote d'Ivoire)
2024	Marrakesh (Kerajaan Maghribi)	Kabul (Republik Islam Afghanistan)	Lome (Republik Togo)
2025	Mogadishu (Persekutuan Republik Somalia)	Achgabat (Republik Turkmenistan)	Maputo (Republik Mozambique)

# 129 juta pelancong melawat ASEAN pada 2018

**Dari muka 3**

Mempelbagaikan Produk Pelancongan ASEAN, Menteri-menteri berkata perkembangan baharu Pakej Pelancongan ASEAN 2019-2020 yang telah dipaparkan lebih daripada 130 produk pelancongan yang meliputi destinasi multi-ASEAN. Menteri-menteri mengakui potensi besar untuk menarik pelancong melalui pelbagai perayaan di rantau ini.

Dalam hal ini, para menteri juga menyokong inisiatif untuk membangunkan pelancongan perayaan dan berharap dapat bekerjasama dengan rakan kongsi dan juga kumpulan sub-wilayah dalam proses pembangunan.

Menteri-menteri menyambut baik kemajuan yang dicapai dalam pelaksanaan Pelan Kerja Pelayaran ASEAN 2018,

khususnya kerjasama ASEAN di pameran perdagangan pelayaran terbesar dunia, Seatrade Cruise Global 2018, secara kolektif meningkatkan kesedaran mengenai Asia Tenggara dalam komuniti pelayaran.

Menyambung Pembangunan Pelancongan warisan ASEAN di Era Digital Menteri-menteri ASEAN menyambut baik hasil yang dicapai pada Persidangan Pelancongan ASEAN bertaraf dunia mengenai 'Menghubungkan Heritages dalam Pembangunan Pelancongan ASEAN dalam Zaman Digital', yang diadakan pada 16 Januari 2019 di Ha Long City dan mengharapakan negara-negara anggota ASEAN untuk bekerjasama dalam kerjasama dan peningkatan untuk membolehkan menghubungkan warisan ke arah pembangunan pelancongan ASEAN,

menjadikan destinasi-destinasi mewah dengan ASEAN.

Membangun Pelancongan Berkualiti Anugerah Standard Pelancongan ASEAN telah dianjurkan pada 18 Januari 2019 di Ha Long City. Sebanyak 30 pertubuhan *homestay* di rantau ini telah menerima Anugerah Homestay ASEAN dan 26 entiti menerima Anugerah Pelancongan Berasaskan Komuniti ASEAN (CBT).

Menteri-menteri juga menyampaikan Anugerah Perkhidmatan Spa ASEAN Pertama kepada 44 pertubuhan serta Anugerah Tandis Awam Pertama ASEAN kepada 42 entiti.

Menteri-menteri telah mengguna pakai Piawai MICE ASEAN untuk Bilik Mesyuarat di Konvensyen / Pameran dan Sektor Awam / Swasta dan Tempat Pameran

MICE ASEAN untuk Pameran dan proses persijilan, dan mengugaskan para pegawai kanan untuk memastikan pertubuhan-pertubuhan yang relevan mematuhi standard.

Menteri-menteri juga menyatakan perkembangan memperluas Tempat Standard MICE ASEAN ke kategori lain, iaitu Tempat Acara Khas.

Menarik Pelaburan Pelancongan Menteri-menteri mencatatkan pembangunan harmonisasi Panduan Pelancongan Pelancongan ASEAN dan Portfolio Pelaburan Pelancongan ASEAN, yang akan memberi maklumat tentang keadaan ASEAN, peluang, serta peraturan dan peraturan bagi pelabur antarabangsa untuk melabur dalam sektor pelancongan ASEAN.

# Kejohanan Futsal HPA Ke-25 pertandingkan Kategori Terbuka dan Veteran

Oleh : Dk. Vivvy Malessa Pg. Ibrahim  
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 19 Januari. - Kejohanan Futsal Hari Perkhidmatan Awam (HPA) Ke-25, 2018 merupakan salah satu acara sempena Sambutan HPA Ke-25 dan akan bermula pada 3, 8 dan 10 Februari 2019 di Dewan Serbaguna Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, Berakas.

Kejohanan tersebut anjuran bersama Jabatan Pentadbiran Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Jabatan Daerah Brunei dan Muara (JDBM) dan Jabatan Belia dan Sukan serta Persatuan Bola Sepak Kebangsaan Brunei Darussalam (NFABD) sepertimana tahun-tahun sebelumnya.

Sehubungan itu, Mesyuarat Pengurus-Pengurus Pasukan yang menyertai kejohanan tersebut diadakan di Bilik Mesyuarat Bangunan JDBM dan dipengerusikan bersama oleh Pegawai Tugas-Tugas Khas Tingkat I, JDBM, Awang Rosdin bin Haji Abdul Aziz dan Pemangku Pengarah, Jabatan Pentadbiran, KHEU, Awang Mohd. Sofian bin Haji Basri.

SEBAHAGIAN daripada pengurus-pengurus pasukan yang mewakili 13 kementerian yang akan menyertai Kejohanan Futsal Hari Perkhidmatan Awam Ke-25 (kanan).

Mesyuarat berkenaan diselenggarakan dengan cabutan undi oleh pengurus-pengurus pasukan yang ikut serta untuk menentukan kumpulan masing-masing.

Kejohanan ini dibukakan kepada 13 kementerian di Negara Brunei Darussalam dan sebanyak dua kategori dipertandingkan, iaitu 12 pasukan bagi Kategori Terbuka dan sembilan pasukan bagi Kategori Veteran.

Format perlawanan akan dibahagikan kepada dua kumpulan tertakluk kepada penyertaan.

Dua pasukan teratas dari setiap kumpulan akan layak ke peringkat separuh akhir kejohanan.



PEGAWAI Tugas-Tugas Khas Tingkat I, Jabatan Daerah Brunei dan Muara (JDBM), Awang Rosdin bin Haji Abdul Aziz selaku Setiausaha Bersama Kejohanan Futsal Hari Perkhidmatan Awam menyampaikan taklimat dan penerangan kepada pengurus-pengurus pasukan yang hadir (atas).



PEMAIN pasukan IKLS FC (jersi hijau) semasa menanduk bola masuk ke gawang pasukan Najip FC (jersi biru).

## IKLS FC kalah tipis di tangan Najip FC

**BERAKAS**, Sabtu, 19 Januari. - Najip FC berjaya menewaskan IKLS FC, 2 - 1 pada perlawanan Liga Super Brunei DST 2018-2019 yang berlangsung di Kompleks Sukan Berakas, petang kelmarin.

Sorak dan teriak para penyokong dari kedua-dua pasukan tentu sahaja tidak melemahkan semangat para pemain kedua pasukan apabila mereka terus menggasak dan mengatur pelbagai strategi perlawanan menentang pasukan lawan masing-masing.

Sejurus memasuki minit ke-42 di separuh masa pertama perlawanan, IKLS FC berjaya menjaringkan gol tunggal mereka menerusi Kumin Haji Bini.

Namun di separuh masa kedua dalam minit ke-86, Najip FC mengejutkan pasukan lawannya IKLS FC dengan menghadiahkan gol pertama mereka melalui sepakan penalti yang dibuat oleh Noor Raimi @ Syahremy Karim.

Dalam pada itu, di beberapa minit akhir perlawanan, IKLS FC terus membuat beberapa serangan balas bagi menambah jumlah jaringan namun gagal untuk menjaringkan sebarang gol.

Oleh : Khartini Hamir  
Foto : Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali

Namun di minit ke-91 masa tambahan perlawanan, Najip FC sekali lagi mengejutkan pasukan lawannya dengan jaringan gol kedua mereka melalui jaringan El Makhloufi Zouhair, beberapa minit sebelum wisel penamat dibunyikan.



PEMAIN pasukan Ikls FC (jersi hijau), semasa membawa bola sambil dikawal oleh pemain pasukan Najip FC (jersi biru).

# Sukan

## INFO SUKAN

DART merupakan sejenis sukan di mana anak panah kecil dilemparkan ke sasaran berbentuk bulat yang lazimnya ditetapkan ke dinding. Papan tersebut diberikan nombor dari 1 hingga 20 di mana ia terbahagi kepada beberapa bahagian yang berbeza.



ePaper Pelita Brunei

# Riadah Amal EGNC inisiatif Program Kesihatan Tempat Kerja



Berita dan Foto : Saerah Haji Abdul Ghani

MENTERI di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Mokti bin Haji Mohd. Daud menyerahkan *Mock Cheque* kepada Yang Di-Pertua SMARTER Brunei, Malai Haji Abdullah bin Malai Haji Othman (kiri). Sementara gambar kanan, Yang Berhormat Menteri di JPM (dua, kiri) menyertai acara senamrobik beramai-ramai.

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Ahad, 20 Januari. - EGNC Charity Walk, Run and Cycle (Riadah Amal Berjalan Kaki, Larian dan Berbasikal EGNC) merupakan salah satu inisiatif daripada Program Kesihatan Tempat Kerja (Program WHP) yang dilaksanakan sempena dengan ulang tahun ke-10 penubuhan Pusat Kebangsaan E-Kerajaan. Sehubungan itu, lebih 150

pegawai serta kakitangan EGNC berserta ahli keluarga masing-masing ikut serta dalam acara tersebut. Jabatan juga bekerjasama dengan Persatuan SMARTER Brunei dengan melaksanakan kutipan derma bagi kegunaan pengoperasian persatuan tersebut. Hadir selaku tetamu kehormat pada acara yang berlangsung di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali

Saifuddin di sini, ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Mokti bin Haji Mohd. Daud. Acara dimulakan dengan senamrobik beramai-ramai dan kemudian diikuti dengan penyerahan *Mock Cheque* kepada pihak SMARTER Brunei yang disampaikan oleh tetamu kehormat kepada Yang Di-Pertua

SMARTER Brunei, Malai Haji Abdullah bin Malai Haji Othman. Riadah Amal Berjalan Kaki, Larian dan Berbasikal dibahagikan kepada dua laluan, iaitu berjalan kaki dan larian sejauh 3.5 km dan laluan berbasikal sejauh 10 km. Di samping itu juga diadakan gerai-gerai jualan dan pameran semasa acara tersebut. Gerai jualan dibukakan bagi pihak SMARTER Brunei untuk

menjual makanan seperti Nasi Katok 10 Rasa serta produk-produk hasil buatan SMARTER Brunei. Juga hadir pada acara tersebut, Setiausaha-Setiausaha Tetap dan Timbalan Setiausaha Tetap di bawah Jabatan Perdana Menteri; Pengarah Pusat Kebangsaan E-Kerajaan; kakitangan-kakitangan SMARTER Brunei dan anak-anak autisme bersama ibu bapa masing-masing; ketua-ketua jabatan di bawah Jabatan Perdana Menteri dan semua pegawai dan kakitangan EGNC. Antara objektif bagi acara tersebut ialah bagi mempromosikan gaya hidup sihat di samping dapat meluangkan masa beriadah bersama rakan-rakan sepejabat berserta keluarga. Selain itu, ianya juga bertujuan untuk mengumpulkan dana bagi Persatuan SMARTER Brunei di samping memberi kesedaran kepada semua mengenai autisme.

## Warga KKBS digalakkan amalkan gaya hidup sihat

Berita dan Foto : Ak. Syi'aruddin Pg. Dauddin

**BERAKAS,** Sabtu, 19 Januari.- Riadah Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) diteruskan lagi berlangsung di Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah dan kawasan-kawasan sekitarnya.

Acara yang dikelolakan oleh Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM) tersebut memfokuskan kepada sukan-sukan bela diri yang antara lain diisikan dengan aktiviti-aktiviti sukan seperti Wushu, Kempo, Fencing Sabre, Taekwondo, Karate dan Pencak Silat.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (KBS), Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin.

Juga hadir ialah Setiausaha Tetap KKBS, Datin Paduka Dr. Hajah Norlila binti Dato Paduka Haji Abdul Jalil, pegawai-pegawai



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan (KBS), Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin (tengah) menyertai sesi senamrobik yang berlangsung di Pedestrian Mall, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah (kiri). Sementara gambar kanan, Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Datin Paduka Dr. Hajah Norlila binti Dato Paduka Haji Abdul Jalil (dua, kanan) juga menyertai sesi senamrobik tersebut.

kanan, pegawai-pegawai dan kakitangan KKBS. Aturcara dimulakan dengan sesi senamrobik yang berlangsung di Pedestrian Mall, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah. Yang Berhormat Menteri KBS kemudian dijemput untuk

melawat di kawasan-kawasan sekitarnya. Riadah tersebut antara lain bertujuan untuk merealisasikan hasrat dan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei

Darussalam untuk melahirkan rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam secara amnya dan warga KKBS khususnya, untuk berada di tahap kesihatan yang optima. Ianya merupakan kegiatan sukan yang diselenggarakan secara

bergilir-gilir oleh jabatan-jabatan di bawah KKBS untuk menggalakkan warga kementerian tersebut bergiat aktif melakukan aktiviti fizikal secara berterusan dengan menggunakan fasiliti yang sedia ada.

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIKUTI DI LAMAN SESAWANG : [www.pelitabrunei.gov.bn](http://www.pelitabrunei.gov.bn)

'CARI REZEKI YANG HALAL BERSANDARKAN AL-QURAN DAN HADIS'

دربیتکن اوله جباتن فترامن، جباتن فردان منتری دان دجیتق اوله جباتن فرچیتقن کراجان، نکارا برونی دارالسلام.

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam